No insurer shall be deemed to provide cover and no insurer shall be liable to pay any claim or provide any benefit hereunder to the extent that the provision of such cover, payment of such claim or provision of such benefit would expose that insurer to any sanction, prohibition or restriction under United Nations resolutions or the trade or economic sanctions, laws or regulations of the European Union, United Kingdom or United States of America.

ENDORSEMENTS

(attaching to and forming part of this Policy)

EXTENSION OF PERIOD OF INSURANCE

If because of **your** death, **injury** or **illness** or that of anyone who is travelling with **you**, or because of delay or interruption of **public transport services** out of **your** control, **you** are unable to complete the **journey** before the expiry of this insurance, the **Period of Insurance** will be automatically extended without any additional premium for the additional days that are reasonably necessary for up to:

- a) 14 days if any vehicle, train, sea-going vessel or aircraft in which **you** are travelling as a ticket holding passenger is delayed.
- b) 30 days if the intended return **journey** is prevented due to bodily **injury** or **illness** to **you** arising from a cause covered under this policy.

CASH BEFORE COVER

It is a fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by **us** before cover commences.

TERRORISM COVER

Notwithstanding General Exception 1b, the Policy is extended to cover the **insured person** in respect of death or bodily **injury** which may be sustained through acts of terrorism provided that such acts of terrorism do not involve the use of biological, chemical agents or nuclear devices.

HIJACKING EXTENSION

This insurance is extended to cover death or bodily injury directly or indirectly caused by hijacking.

ANNUAL POLICY

This policy is eligible to persons aged between 18 to 69 years at the date of first enrolment and renewable up to 80 years. The following are not applicable to **Annual Policy**:

- General Conditions 2(e)
- General Exception 4
- Extension of Period of Insurance

Annual Policy does not provide cover:

- to non resident
- for one way cover

Personal Data Protection

By giving Personal Data, **you** give **us** permission for its use as described below:-

1. To process **your** Personal Data with the intention of entering into the contract of Insurance.
2. **You** consent and allow **us** to retain the data and share the data with our service providers, which include but not limited to:
 - a) Registered licensed Adjuster,
 - b) Solicitors, and any other professional body(ies) for the purpose of fulfillment of the Insurance Contract,
 - c) Insurer and Reinsurer,
 - d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad.
3. For further information about **MSIG's** commitment to protection of Personal Data, a list of service providers and business partners that **we** may disclose **your** Personal Data to, please refer to **MSIG's** Privacy Notice at www.msig.com.my.

You may also request access to or correct **your** Personal Data by contacting our Customer Service Department. Such information will only be granted after verification. 'Personal Data' has a meaning assigned to it under the Personal Data Protection Act 2010.

Tax Clause

You are obligated to pay any applicable taxes (which include but not limited to service tax and stamp duty) imposed by the Malaysian tax authorities in relation to this Policy.

WHEN MAKING A CLAIM

- Contact the relevant helpline number as soon as **you** can for assistance quoting **your** certificate number if possible.
- Notify **MSIG** in writing within 30 days as soon as **you** have returned from overseas in respect of any event that may give rise to a claim.
- Complete the relevant sections of the Claim Form relating to **your** claim.
- Submit the Claim Form. Original Certificate of Insurance, Airline Ticket/Electronic Ticket/Boarding Pass, Tour Operator's Confirmation of Booking Invoice and Travel Itinerary and other necessary information and assistance that **we** may require at **your** expense.

Type of Claim	What must I do?	What will I need?
Section 1 Personal Accident	• Contact MSIG Assist for assistance. • Report to the local authorities in the event of death. • Seek treatment from a hospital if injured.	1) Certified Copies of: • Death Certificate • Post Mortem Report • Deceased's Identity Card • Police Report (if death due to accident) 2) Letter of Administration, if no nomination 3) Medical Report from Regular and Attending Physician 4) Proof of relationship between the insured person and the child(ren) - for claim on Child Education Fund
Section 2 Medical and Other Expenses	• Contact MSIG Assist for assistance.	1) Medical Report from attending physician/Nature of Illness or injury 2) Medical Certificate from regular physician, if necessary 3) Original Medical Invoices and receipt 4) Invoices on accommodation, communication & traveling expenses (for claim on Compassionate Care & Child Care) 5) Recommendation letter from the attending doctor (for claim on Compassionate Care) 6) Invoices relating to cost of burial, cremation or conveyance of body to home 7) Name and address of usual doctor in Malaysia, if necessary
Section 3 Luggage and Personal Effects	• Report the loss/damage to the carrier as soon as you are aware of the damage or loss and obtain a "Property Irregularity Report". • Give written notice of the claim to the carrier within the time limit in their conditions of carriage. • Report details of the incident to the police or any other relevant authority within 24 hours, and obtain a written incident report. • Do not dispose your damaged items.	1) Detailed breakdown of claimed items 2) Original purchase receipts, warranty card etc., for baggage and/or personal effects, if any 3) Property Irregularity Report from airline 4) Police report in the event of theft 5) Photographs depicting damages to the baggage etc 6) Proof of compensation received from the responsible party
Section 4 Luggage Delay	• Report to the carrier. • Give written notice of the claim to the carrier within the time limit in their conditions of carriage.	1) Report from carrier confirming the number of hours delay or misdirection in delivery
Section 5 Personal Money and Unauthorised Use of Card	• Take all reasonable steps to recover your money. • Report details of the incident to the police or any other relevant authority within 24 hours and obtain a written incident report. • Report the loss of credit or debit card to the issuing bank within 24 hours	1) Police report at the place of occurrence 2) Statement issued by the issuing bank showing the record of unauthorised use of credit or debit card including date and time of notification of loss (for claim on unauthorised use of card)

Type of Claim	What must I do?	What will I need?
Section 6 Travel Documents	Report details of the loss/theft to the police within 24 hours and obtain a written report.	1) Police report at the place of occurrence 2) Original receipts for additional accommodation, travel and communication expenses incurred in replacing lost travel documents 3) Copy of Emergency Certificate
Section 7 Travel Cancellation	Check that the reason you are cancelling is listed as being covered in the Travel Cancellation section of your policy booklet.	1) Documents to support the reason(s) for cancellation 2) Original receipts for payment of the insurance cover and any pre-booked & pre-paid tour expenses 3) Cancellation invoice from the tour operator concerned and refund obtained from them
Section 8 Travel Curtailment	Check that the reason you are cancelling is listed as being covered in the Travel Curtailment section of your policy booklet. <i>This policy will only pay for any claim either under Section 7 or Section 8 but not both</i>	1) Documents to support the reason(s) for curtailment 2) Original receipts for payment of the insurance cover and any pre-booked & pre-paid tour expenses 3) Cancellation invoice from the tour operator concerned and refund obtained from them
Section 9 Travel Delay (including reschedule of flight)	You must check in at your specified departure time. - Check that your delay was over 6 hours before submitting a claim.	1) A written confirmation from the airlines concerned confirming the duration of delay and reason(s) thereof 2) Original receipts for payment of pre-paid attraction tickets (for claim on Missed Events due to Travel Delay)
Section 10 Missed Travel Connection	Check that your delay was over 6 hours before submitting a claim.	1) A written confirmation from the airlines concerned confirming the duration of delay and reason(s) thereof
Section 11 Travel Overbooked	Check that your delay was over 6 hours before submitting a claim.	1) A written confirmation from the airlines concerned confirming overbook incident
Section 12 Missed Departure	Check that the reason for failure to arrive at the place of embarkation is covered in your policy booklet.	1) Documents to support the reason(s) for missed departure 2) Original receipts for additional accommodation and travel expenses incurred
Section 13 Travel Reroute	Check that your delay was over 6 hours before submitting a claim. <i>The policy will only pay for one claim made either under Section 9 or 10 or 11 or 12 or 13 but not all.</i>	1) A written confirmation from the airlines concerned confirming the incident (actual arrival time vs schedule arrival time)
Section 14 Loss of Travel Deposit	Make all attempts to recover your deposit payment.	1) Documents to support the reason(s) for the claim on travel deposit 2) Original receipts as proof of payment made to travel agents

Type of Claim	What must I do?	What will I need?
Section 15 Additional Costs of Rental Car Return and Rental Car Excess	• Contact your car rental provider.	1) Rental agreement 2) Receipt for payment made on additional cost of rental car or rental car excess 3) Confirmation letter or receipt confirming the actual date returned of the rental car 4) Medical report and bills stating medical condition and duration of hospitalisation 5) Police report at the place of occurrence (for claim on Rental Car Excess)
Section 16 Personal Liability	• Not admitting liability or making an offer or promise of payment without our consent.	1) Correspondence from Third Party unanswered
Section 17 Loss of Use of Hotel Facilities	• Contact your hotel accommodation.	1) Confirmation letter from the hotel or handling agents stating the duration & reason for finding the alternative accommodation 2) Invoice & receipts as proof of payment for alternative accommodation incurred
Section 18 Home Protection	• You must report details of the loss/theft to the police within 24 hours and obtain a written report.	1) Police report on the incident
Section 19 Adventurous Activity Cover	For Section 1 – Personal Accident • Contact MSIG Assist for assistance. • Report to the local authorities in the event of death. • Seek treatment from a hospital if injured. For Section 2 – Medical and Other Expenses • Contact MSIG Assist for assistance.	For Section 1 – Personal Accident 1) Certified Copies of: • Death Certificate • Post Mortem Report • Deceased's Identity Card • Police Report (if death due to accident) 2) Letter of Administration, if no nomination 3) Medical Report from regular and attending physician 4) Proof of relationship between the insured person and the child(ren) – for claim on Child Education Fund For Section 2 – Medical and Other Expenses 1) Medical Report from attending physician/Nature of Illness or injury 2) Medical Certificate from regular physician, if necessary 3) Original Medical Invoices and receipt 4) Invoices on accommodation, communication & travelling expenses (for claim on Compassionate Care & Child Care) 5) Recommendation letter from the attending doctor (for claim on Compassionate Care) 6) Invoices relating to cost of burial, cremation or conveyance of body to home 7) Name and address of usual doctor in Malaysia, if necessary

POLISI INSURANS TRAVELRIGHT PLUS

BAGAIMANA INSURANS ANDA BEROPERASI

Ini adalah Polisi Insurans TravelRight Plus anda. Sila baca polisi risalah dan sijil ini dengan teliti untuk memastikan anda telah membeli perlindungan yang memenuhi keperluan anda. Sila bawa bersama anda semasa anda melancong kerana ia adalah bukti insurans anda dan anda mungkin memerlukanja jika anda ingin membuat tuntutan.

Kewajipan Pendedahan

Selaras dengan Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, **anda** dikehendaki oleh undang-undang untuk memberitahu **kami** semua fakta yang **anda** tahu atau dijangka tahu tentang risiko yang akan **kami** terima daripada **anda**.

Dengan mengikat kontrak ini, **anda** bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk memberikan jawapan yang lengkap dan tepat kepada soalan-soalan yang ditanya apabila **anda** mengambil, membuat perubahan dan jika berkenaan, apabila memperbaharui polisi **anda**. **Anda** juga dikehendaki untuk memaklumkan kepada **kami** kesemua maklumat yang berkaitan yang boleh mempengaruhi **kami** semasa membuat keputusan untuk memberi perlindungan. Ini termasuk apa-apa yang wujud di dalam Polisi anda, Sijil Insurans serta apa-apa maklumat tentang sejarah perubatan **anda** dan **Orang yang Diinsuranskan**.

Tanggungjawab pendedahan adalah terpakai untuk **anda** dan orang lain yang diinsuranskan di bawah Polisi ini. Jika **anda** memberikan maklumat untuk orang lain yang diinsuranskan, ia adalah dianggap bahawa maklumat itu telah diberikan kepada **kami** daripada orang itu sendiri. Jika **anda** gagal untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengelakkan salah nyata berhubung dengan maklumat yang diberikan oleh **anda**, **kami** mempunyai hak untuk:

- menyemak semula kadar premium dan/atau mengubah keputusan (-keputusan) taja jaminan perubatan untuk sebarang penyakit sedia ada yang telah dimaklumkan kepada **kami** yang boleh mengakibatkan sesuatu penyakit dikecualikan atau
- membatalkan polisi **anda** dan menolak untuk membayar apa-apa tuntutan, atau
- tidak membayar tuntutan **anda** dengan penuh

Polisi Insurans TravelRight Plus anda adalah suatu kontrak di antara kami, MSIG Insurance (Malaysia) Bhd. dan anda, pemegang Polisi, bagi setiap Orang yang Diinsuranskan yang namanya dinyatakan dalam Polisi ini.

Dengan pertimbangan bahawa anda telah membuat pembayaran premium yang diperlukan kepada kami, kami bersetuju untuk membayar ganti rugi atau menanggung perbelanjaan anda atau penama (-penama) anda atau pengurus wasiat atau pentadbir yang sah di bawah terma dan syarat polisi ini berkenaan dengan kejadian yang berlaku semasa dalam Tempoh Insurans, atau mana-mana tempoh berikutnya semasa anda masih membuat bayaran dan kami menerima premium yang dikehendaki.

Pemberian Insurans di bawah polisi ini adalah tertakluk kepada anda menuruti dan memenuhi terma-terma, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat dan klausa polisi ini.

TAFSIRAN PERKATAAN

Perkataan-perkataan tertentu telah ditafsirkan. Perkataan-perkataan ini mempunyai maksud yang sama ia digunakan dalam Polisi Insurans TravelRight Plus dan ditonjolkan dalam Polisi dengan **huruf tebal**, contohnya **wang persendirian**, **barangan berharga**.

1. **Kemalangan - bermaksud**
mana-mana peristiwa mengejut dan tidak diduga dan ganas yang berlaku kepada **orang yang diinsuranskan**, yang diakibatkan secara langsung dan bebas daripada tindakan sebab luaran termasuk keracunan makanan, selain daripada mana-mana kecederaan diri yang disengajakan.
2. **Polisi Tahunan - bermaksud**
beberapa perjalanan termasuk **perjalanan domestik** dan **luar negara** sama ada untuk percutian atau perniagaan dengan tempoh tidak melebihi 14 atau 90 hari bagi mana-mana satu perjalanan masing-masing dan perjalanan di dalam **kawasan geografi** yang telah anda pilih dan membayar premium yang berpatutan. Tempoh mana-mana satu **perjalanan** tidak melebihi 90 hari secara keseluruhan sekiranya **perjalanan domestik** diikuti dengan perjalanan ke **luar negara** dan seterusnya pulang ke **rumah**.
3. **Rompakan - bermaksud**
kecurian yang disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar dari bangunan.
4. **Pengangkutan - bermaksud**
entiti yang mengangkut anda dan bagasi anda di dalam **perjalanan** melalui kenderaan darat, air atau udara yang beroperasi di bawah lesen bagi pengangkutan penumpang-penumpang.

5. **Anak/Anak-anak - bermaksud**
Seorang individu yang tidak bekerja dan bujang berumur lebih daripada 30 hari dan di bawah 18 tahun pada tarikh permulaan polisi.
6. **Pemendekan Perjalanan - bermaksud**
memendekkan perjalanan dengan pulang awal ke **rumah anda** selepas permulaannya.
7. **Domestik/Perjalanan Domestik - bermaksud**
satu perjalanan
 - a) yang bermula apabila **anda** meninggalkan **rumah anda** dan berakhir apabila **anda** pulang ke **rumah** di Semenanjung Malaysia atau di Malaysia Timur
 - b) berada di luar 150 kilometer dari **rumah anda**
 - c) yang tidak termasuk perjalanan dalam pengangkutan jalan persendirian melainkan jika ia disertai dengan perjalanan **luar negara** yang seterusnya dan diikuti dengan kepulangan **anda** ke **rumah**
 - d) yang tidak termasuk mana-mana ulang-alik biasa pergi dan balik dari tempat kerja anda tanpa mengira mod pengangkutan
 - e) tertakluk kepada Had Domestik sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat
 - f) yang menjadi sebahagian daripada **Polisi Tahunan**
8. **Amaun Akses - bermaksud**
jumlah yang **anda** perlu tanggung untuk setiap tuntutan yang layak sebelum had manfaat diguna pakai.
9. **Ahli keluarga - bermaksud**
pasangan **anda**, **anak-anak** biologi / anak angkat yang sah, menantu lelaki, menantu perempuan, ibu bapa, ibu bapa mertua, adik-beradik, adik beradik ipar, datuk dan nenek, datuk dan nenek mertua, cucu-cucu, semua yang menetap di Malaysia.
10. **Pelan Keluarga - bermaksud**
anda, pasangan **anda** yang sah di sisi undang-undang dan semua anak yang bersama **anda**. Pasangan **anda** dan setiap anak-anak **anda** menerima manfaat amaun yang sama seperti **anda** kecuali untuk manfaat kematian di bawah Seksyen 1 di mana setiap **anak** berhak menerima had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** dan di bawah Seksyen 14 di mana liabiliti maksimum **syarikat** tidak boleh melebihi had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.
11. **Kawasan Geografi - bermaksud**
 - a) **Kawasan 1:** Australia, Brunei, Cambodia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.
 - b) **Kawasan 2:** Eropah, Bhutan, Tibet, Nepal dan Mongolia, dan negara-negara di Kawasan 1.
 - c) **Kawasan 3:** Seluruh dunia dan negara-negara di Kawasan 1 dan 2 kecuali Afghanistan, Cuba, Democratic Republic of Congo, Iran, Iraq, Sudan dan Syria.
 - d) **Kawasan 4:** Malaysia (berkenaan untuk satu perjalanan antara Semenanjung dan Malaysia Timur dan sebaliknya)

Bagi destinasi pelbagai termasuklah transit yang melebihi 12 jam ke **Kawasan Geografi** yang terluas akan diguna pakai.
12. **Pengembaraan Berbahaya - bermaksud**
mendaki gunung, penurunan cerun atau mendaki batu yang memerlukan penggunaan tali dan alatan pendakian lain, berjalan kaki di gunung melebihi ketinggian tiga ribu (3,000) meter di atas paras laut, melompat bungee, aktiviti-aktiviti luar persisir termasuk berakit atau berkanu melibatkan jeram, luncur jet , terbang atau aktiviti udara lain, aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan apa-apa bantuan alat pernafasan hingga kedalaman lebih daripada 18 meter, perlumbaan (selain berjalan kaki), terjun ski, perlumbaan ski-kereta geluncur, bermain ski gaya bebas termasuklah menggunakan kereta geluncur, peluncuran gantung, aktiviti-aktiviti kesukanan yang profesional dan apa-apa jenis pertandingan, mana-mana percutian bersukan yang dirancang dan apa-apa aktiviti-aktiviti lain yang memerlukan tahap kebolehan dan melibatkan pendedahan kepada risiko.
13. **Rumah - bermaksud**
tempat kediaman **anda** yang biasa di Malaysia.
14. **Hospital - bermaksud**
institusi yang dilesenkan secara sah sebagai **hospital** perubatan atau pembedahan di Negara di mana institusi itu berada. Ia mestilah sentiasa di bawah pengawasan yang berterusan oleh **Pakar Perubatan**.
15. **Penyakit - bermaksud**
apa-apa kemerosotan kesihatan yang mengejut dan tidak diduga disahkan oleh **Pengamal Perubatan** berdaftar yang kompeten dalam **Tempoh Insurans**.

16. **Kecederaan(-kecederaan) - bermaksud**
kecederaan anggota badan yang dialami di mana-mana tempat di dunia diakibatkan semata-mata oleh **kemalangan** dan bukan disebabkan oleh **penyakit**, wabak **penyakit** atau kelunturan fizikal atau mental secara beransur-ansur dalam **Tempoh Insurans**.
17. **Ketidaksolvenan - bermaksud**
ketidakupayaan individu atau entiti untuk membayar hutangnya apabila mereka perlu membayar dan mengakibatkan kesemua operasi-operasinya diberhentikan dengan atau tanpa pemfailan kemufilsan atau pembubaran petisyen.
18. **Pelan Pemegang Polisi dan Pasangan - bermaksud**
anda dan pasangan **anda** yang sah di sisi undang-undang. Pasangan **anda** menerima manfaat-manfaat yang sama seperti **anda**.
19. **Orang yang Diinsuranskan/Anda - bermaksud**
setiap individu seperti yang dinyatakan di dalam Polisi atau Sijil Insurans.
20. **Perjalanan - bermaksud**
lawatan yang bermula semasa **anda** meninggalkan **rumah anda** atau tempat kerja di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk perjalanan terus ke destinasi yang dirancang dan berakhir semasa **anda** kembali ke Malaysia. Ia tidak bermula lebih daripada 24 jam sebelum jadual penerbangan **anda** dan akan berakhir pada permulaan keadaan berikut:
a) 24 jam setelah ketibaan **anda** di Malaysia
b) Setelah tibanya **anda** di **rumah** atau tempat kerja di Malaysia (yang mana terdahulu)
c) Tempoh tamat Insurans
Apa-apa perjalanan berikutnya, yang bermula selepas **anda** kembali ke Malaysia adalah tidak dilindungi. Tempoh maksimum bagi setiap **perjalanan** atau lawatan untuk perlindungan dua hala adalah 185 hari selain daripada **perlindungan satu hala**.
21. **Pengamal Perubatan / Pakar Perubatan - bermaksud**
pengamal perubatan yang berkelayakan sewajarnya dan dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Perubatan yang kompeten di Negara yang rawatan itu diberikan dan apabila memberikan rawatan tersebut, mengamalkan profesinya dalam skop perlesenan dan latihannya, tetapi tidak termasuk **pengamal perubatan** atau **pakar perubatan** yang menginsuranskan dirinya sendiri.
22. **Mabuk Gunung - bermaksud**
perubahan fisiologi dan kesan patologi yang disebabkan oleh pendedahan akut kepada tekanan separa oksigen yang rendah pada altitud tinggi yang mengakibatkan penyakit altitud.
23. **MSIG Assist - bermaksud**
talian bantuan 24 Jam seluruh dunia.
24. **Individu Bukan Pemastautin - bermaksud**
setiap individu seperti yang dinyatakan di dalam Polisi atau Sijil Insurans yang bukan :
a) warganegara Malaysia; atau
b) bermastautin tetap di Malaysia; atau
c) orang yang bekerja secara sah di Malaysia
25. **Perlindungan sehalah - bermaksud**
perjalanan yang bermula semasa **anda** meninggalkan **rumah anda** atau tempat kerja di Malaysia (dengan syarat perlindungan tidak bermula lebih daripada 24 jam sebelum waktu berlepas yang dijadualkan) dan berakhir 72 jam pada ketibaan yang dijadualkan di destinasi terakhir **anda** di **luar negara** atau tamatnya **Tempoh Insurans anda** mengikut mana-mana yang lebih awal. Sebarang persinggahan tidak boleh melebihi 30 hari kecuali jika penangguhan tersebut berada di luar kawalan **anda**.
Perlindungan sehalah adalah tidak berkaitan dengan **individu bukan pemastautin**.
26. **Luar Negara - bermaksud**
luar daripada Malaysia atau di dalam **kawasan geografi** terpilih seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi atau Sijil Insurans.
27. **Tempoh Insurans - bermaksud**
Di bawah Seksyen 7 dan 14, insurans berkuatkuasa pada tarikh Sijil Insurans dikeluarkan dan akan tamat pada permulaan **perjalanan anda**. Berkenaan dengan semua Seksyen lain, **Tempoh Insurans** bermula pada permulaan **perjalanan anda**.
Bagi **perlindungan sehalah**, insurans akan ditamatkan 72 jam dari masa ketibaan yang dijadualkan di destinasi **luar negara** terakhir **anda** atau apabila tamatnya **Tempoh Insurans**, yang mana terdahulu. Sebarang persinggahan tidak boleh melebihi 30 hari kecuali penangguhan tersebut berada di luar kawalan **anda**.

Untuk Perlindungan Satu Perjalanan, setiap **perjalanan** tidak boleh melebihi daripada 185 hari kecuali **Perlindungan Sehala**. Tiada penyumbangan **Tempoh Insurans** dibenarkan selepas waktu berlepas.

Untuk Polisi Tahunan, setiap **perjalanan** tidak boleh melebihi daripada 90 hari.

28. **Bagasi Persendirian - bermaksud**

setiap beg pakaian, peti atau bekas **anda** yang seumpamanya dan kandungannya serta barang yang dipakai atau dibawa oleh **anda** termasuklah **barang-barang berharga anda**.

29. **Wang Persendirian - bermaksud**

wang kertas bank dan mata wang, wang tunai, cek-cek, wang pos dan kiriman wang atau cek kembara yang dipegang untuk tujuan persendirian yang berada di dalam jagaan **anda** pada setiap masa kecuali jika didepositkan di dalam peti besi.

30. **Keadaan Penyakit Sedia Ada - bermaksud**

hilang upaya yang diketahui sewajarnya oleh **Orang yang Diinsuranskan** dalam masa dua belas (12) bulan sebelum tarikh permulaan bagi **Tempoh Insurans**. **Orang yang Diinsuranskan** dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:

- Orang yang Diinsuranskan** telah atau sedang menerima rawatan;
- Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
- Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

31. **Perkhidmatan Pengangkutan Awam - bermaksud**

mana-mana bas atau teksi yang berlesen atau perkhidmatan berjadual yang mana orang awam boleh menaikinya di perhentian yang diiktiraf sebagai penumpang yang membayar tambang.

32. **Kereta Sewa - bermaksud**

kereta sewa sedan, van pekhemah, hatchback atau station-wagon (termasuk kenderaan pacuan 4 roda) yang disewa daripada syarikat sewa kenderaan motor berlesen

33. **Jadual Manfaat - bermaksud**

manfaat yang boleh didapati di bawah perlindungan insurans ini menurut pelan yang anda pilih

34. **Pengangkut Berjadual - bermaksud**

- pesawat udara, keretapi, kapal laut berjadual di mana sistem penerbangan, keretapi-keretapi dan kapal laut itu disenaraikan dengan pihak berkuasa berkaitan di negara-negara yang pesawat udara, kereta api atau kapal laut itu didaftarkan dan memegang sijil, lesen atau pemberian kuasa seumpamanya untuk pengangkutan berjadual dan menurut pemberian kuasa tersebut, menyenggarakan dan menerbitkan jadual dan tarif-tarif untuk perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang, stesen keretapi dan pelabuhan yang dinyatakan pada masa yang tetap dan tertentu.
- Penerbangan Sewa Khas yang dianjurkan dan dijadualkan **perjalanan** pada laluan yang biasa dan diterbitkan untuk jangka masa satu bulan atau lebih dengan syarat kapal terbang udara mempunyai lesen swasta yang sah dan/atau kapal terbang udara komersil yang mempunyai sijil *airworthiness* semasa dan sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di negara di mana pendaftaran dibuat bagi pengangkutan penumpang.

35. **Keadaan Perubatan yang Serius - bermaksud**

Keadaan yang pada pendapat **pihak syarikat** atau wakil-wakil yang diberi kuasa merupakan perubatan kecemasan yang serius atau mengancam nyawa yang memerlukan pemindahan serta-merta bagi mendapatkan rawatan pemulihan segera untuk mengelakkan berlakunya kematian atau gangguan serius kepada prospek kesihatan **Orang yang Diinsuranskan** dalam tempoh terdekat atau jangka panjang. Tahap keseriusan keadaan perubatan akan rawatan atau kemudahan perubatan yang sewajarnya di kawasan setempat.

36. **Ejen Pelancongan - bermaksud**

ejen pelancongan yang mempunyai lesen sah dan berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia.

37. **Barangan Berharga - bermaksud**

item-item terdiri daripada logam-logam atau batu permata yang berharga, barang kemas, jam tangan, bulu binatang, artikel emas dan perak, kamera (termasuk digital), kamera video, binokular dan komputer riba.

38. **Kami/Syarikat/MSIG - bermaksud**

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.

SYARAT-SYARAT AM

Kami akan bertindak secara jujur di dalam semua urusan **kami** dengan **anda**. Pada masa yang sama, pembayaran tuntutan yang berlaku di dalam **Kawasan Geografi** terpilih dalam **Tempoh Insurans** adalah bergantung kepada:

1. **Anda perlu mematuhi perkara yang berikut:**

- Mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk melindungi diri dan hak milik **anda** daripada **kemalangan, kecederaan**, kerugian atau kerosakan, seolah-olah insurans ini tidak berkuat kuasa.
- Membuat laporan secara bertulis kepada **kami** dalam tempoh 30 hari selepas **anda** pulang ke Malaysia dengan memberikan butiran penuh mengenai sebarang kejadian, yang akan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini.
- Mengemukakan kepada **kami** dengan segera apabila menerima setiap writ, saman, proses undang-undang atau komunikasi lain berhubung dengan tuntutan.
- Memberi semua maklumat dan bantuan perlu yang mungkin **kami** kehendaki di atas perbelanjaan **anda** sendiri (termasuk di mana yang perlu, sijil perubatan dan butir-butir insurans isi rumah **anda**).
- Tidak menerima liabiliti atau membuat tawaran atau janji pembayaran tanpa keizinan **kami**.
- Memberikan notis dalam tempoh 24 jam kepada pihak Polis tentang apa-apa kehilangan atau kecurian atau kepada **pengangkut** apabila kehilangan atau kerosakan telah berlaku dalam transit. Bagi kedua-dua peristiwa ini, borang laporan mestilah diperolehi daripada pihak Polis atau **pengangkut** dan diserahkan kepada **kami**.
- Tidak menyerahkan ganti apa-apa harta kepada **kami**.
- Telah mendapatkan nasihat perubatan tentang kewajaran membuat **perjalanan** apabila **anda** telah menerima rawatan perubatan sebagai pesakit dalam **hospital** dalam tempoh 6 bulan sebelum tempahan **perjalanan** atau berada di bawah siasatan atau menunggu keputusan untuk sebarang keadaan kesihatan yang didiagnosis atau yang tidak dikenal pasti.
- Tidak membuat **perjalanan** yang bertentangan dengan nasihat perubatan atau khusus untuk mendapatkan rawatan perubatan.
- Tidak menerima prognosis terminal daripada **Pengamal Perubatan** berdaftar sebelum tarikh Sijil Insurans dikeluarkan.
- Tidak menunggu rawatan perubatan sebagai pesakit dalam **hospital** atau menyedari keperluan untuk rawatan pesakit untuk sebarang keadaan kesihatan yang telah didiagnosis atau yang tidak dikenal pasti pada tarikh Sijil Insurans dikeluarkan.
- Mengalami apa-apa jenis keadaan keresahan yang telah didiagnosis sebelumnya.
- Tiada pindaan dan/atau tambahan kepada terma dan syarat bercetak dalam Polisi ini boleh dianggap sah melainkan ditandatangani di pejabat **kami** oleh kakitangan yang diberi kuasa oleh **syarikat**.

2. **Anda mengenali hak-hak kami untuk:**

- mengelak daripada membayar apa-apa tuntutan yang palsu dari apa-apa segi.
- mengambil alih dan menguruskannya atas nama **anda**, pembelaan atau penyelesaian apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah Polisi ini.
- mengambil tindakan prosiding atas nama **anda** tetapi atas perbelanjaan **kami** untuk mendapat balik, bagi faedah **kami**, apa-apa pembayaran yang telah dibuat bawah Polisi ini.
- tidak bertanggung ke atas tuntutan yang sama di bawah lebih daripada satu Sijil Perjalanan Insurans dan/atau polisi bagi **Orang yang Diinsuranskan** yang sama berkaitan dengan **Tempoh Insurans** yang sama dikeluarkan oleh **MSIG**.
- membatalkan semua manfaat yang diperuntukkan oleh Polisi ini tanpa bayaran balik apa-apa premium apabila suatu pembayaran dibuat untuk pembatalan atau **pemendekan perjalanan**.
- hanya membayar sebahagian daripada suatu tuntutan sekiranya terdapat insurans lain yang berkuat kuasa yang melindungi risiko yang sama, dan menghendaki butir-butir insurans lain tersebut.
- tidak membayar balik premium selepas Polisi telah dikeluarkan.
- membatalkan semua perlindungan di bawah Polisi serta-merta jika tuntutan adalah tidak jujur atau diperbesar-besarkan dari apa segi dan **kami** berhak untuk memberitahu pihak polis tentang apa-apa tuntutan sedemikian.
- di bawah Seksyen 2, Manfaat 1.3,

membuat keputusan sama ada keadaan perubatan **Orang yang Diinsuranskan** cukup serius untuk mewajarkan Pemindahan Perubatan Kecemasan dilakukan. **Syarikat** atau penasihat perubatannya akan membuat keputusan tentang tempat di mana **Orang yang Diinsuranskan** itu akan dipindahkan dan cara pemindahan tersebut harus dilakukan, dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang telah ditaksir yang **Syarikat** ketahui pada masa yang relevan.

3. Timbang Tara

Semua perselisihan yang timbul daripada polisi hendaklah dirujuk kepada Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur. Seorang Penimbang Tara hendaklah dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak, atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbang Tara, maka setiap pihak hendaklah melantik seorang Penimbang Tara secara bertulis dalam tempoh satu (1) bulan kalendar selepas diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh satu lagi pihak. Bagi hal percanggahan di antara Penimbang Tara, seorang Wasit hendaklah dilantik oleh Penimbang Tara secara bertulis sebelum membuat rujukan. Wasit tersebut hendaklah duduk bersama-sama dengan Penimbang Tara-penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat mereka dan pemberian suatu "award" adalah sebagai syarat terdahulu bagi apa-apa hak untuk bertindak terhadap **kami**. Jika **kami** menolak tuntutan liabiliti kepada **anda** atau **wakil peribadi** untuk mana-mana tuntutan menurut dokumen ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk kepada timbang tara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam dokumen ini dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penolakan tuntutan tersebut, maka tuntutan tersebut adalah disifatkan telah ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh dikembalikan menurut dokumen ini kemudiannya.

SEKSYEN 1 - KEMALANGAN DIRI

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan, kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk **kecederaan** yang dialami oleh **anda** semasa **perjalanan**:

- berlaku dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari berlakunya kejadian tersebut jika **anda** adalah warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap, Pemegang Permit Kerja, Pemegang Pas Pekerjaan atau bekerja secara sah di Malaysia; atau
- yang berlaku dalam **Tempoh Insurans** jika **anda** adalah **individu bukan pemastautin**

yang semata-mata dan bebas daripada semua sebab lain mengakibatkan manfaat yang ditunjukkan di bawah:

Manfaat 1 Kematian

Manfaat 2 Hilang penglihatan secara menyeluruh dan kekal pada sebelah atau kedua-dua belah mata dan kehilangan secara menyeluruh dan kekal penggunaan sebelah atau kedua-dua belah anggota.

Manfaat 3 Hilang upaya secara menyeluruh dan kekal akibat melakukan apa jua jenis pekerjaan.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan, kami tidak akan membayar:

Di bawah Manfaat 1

Lebih daripada had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** bagi kanak-kanak.

Di bawah Manfaat-manfaat 1 hingga 3

- lebih daripada satu manfaat akibat daripada **kecederaan** yang sama.
- kecederaan** yang timbul daripada kerja manual yang berkaitan dengan apa-apa perniagaan, pekerjaan dan profesion.

Manfaat 4

Tabung Pendidikan Anak (manfaat di bawah seksyen ini adalah tidak berkaitan dengan **individu bukan pemastautin**)

Apabila **Orang yang Diinsuranskan** mati disebabkan oleh **kemalangan** yang berlaku semasa lawatannya dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh **kemalangan** dan mempunyai **anak**, **Syarikat** akan membayar had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

Amaun di atas adalah jumlah maksimum yang akan **kami** bayar tidak mengambil kira bilangan **anak-anak**.

SEKSYEN 2 - PERBELANJAAN PERUBATAN DAN LAIN-LAIN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Bagi perbelanjaan perlu yang ditanggung berikutnya dalam **Tempoh Insurans** yang menimbulkan tuntutan akibat daripada **kematian**, **kecederaan** anggota badan atau **penyakit anda** yang dialami semasa **perjalanan** di **luar negara** kecuali rawatan susulan.

Bagi **perjalanan domestik**, manfaat ini hanya diguna pakai ke atas **kecederaan** yang disebabkan oleh **kemalangan**. **Kami** akan membayar balik perbelanjaan berikutnya yang perlu ditanggung, jika berkenaan.

Manfaat 1 - Perbelanjaan Perubatan dan Lain-lain

Manfaat 1.1 - Perbelanjaan Perubatan dan Lain-lain termasuk Perubatan Alternatif

Pembayaran balik sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk yuran atau caj atau perbelanjaan yang munasabah untuk:

- perkhidmatan perubatan, pembedahan, **hospital**, rumah penjagaan atau perkhidmatan kejururawatan.
- rawatan pergigian kecemasan untuk menghilangkan kesakitan mengejut atau rawatan untuk kerosakan ke atas gigi asal yang tidak rosak dengan syarat kerosakan tersebut disebabkan semata-mata oleh **kecederaan**.
- sekiranya **Orang yang Diinsuranskan** mengalami **Kecelakaan** atau **Penyakit** semasa **perjalanannya** dan mendapatkan perubatan alternatif, **kami** akan membayar balik perbelanjaan yang ditanggung ke atas rawatan tersebut sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**. Perubatan Alternatif bermaksud rawatan daripada **pengamal perubatan** tradisional, pengamal osteopati, pakar fisioterapi dan/atau pengikat tulang.

Berkenaan dengan **perjalanan domestik**, pembayaran balik faedah ini adalah sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**. Faedah perubatan alternatif adalah tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

Manfaat 1.2 - Rawatan Susulan di Malaysia

Pembayaran balik ke atas perbelanjaan perubatan tindakan susulan yang ditanggung berikutan kepulangan **anda** daripada **perjalanan** ke **Malaysia** sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** tertakluk kepada had bagi Manfaat 1.1.

Kami tidak akan membuat bayaran balik untuk rawatan susulan jika dilakukan:

- selepas 45 hari dari tarikh **anda** pulang ke Malaysia
- di **luar negara**.
- dalam **perjalanan domestik**.

Manfaat 1.3 - Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Membawa Balik ke Malaysia

Pembayaran balik sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** kepada **Orang yang Diinsuranskan** termasuk pengangkutan udara dan darat, rawatan perubatan semasa pengangkutan, komunikasi dan semua caj tambahan biasa yang ditanggung untuk membawa **Orang yang Diinsuranskan** yang mengalami **keadaan perubatan yang serius** ke **hospital** terdekat di mana rawatan perubatan yang sewajarnya boleh didapati. **Kami** tidak akan membayar untuk memindahkan **Orang yang Diinsuranskan** dari Malaysia ke destinasi negara luar.

Anda mestilah menghubungi **MSIG Assist** untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu bagi apa-apa pemindahan dan membuat persediaan pengangkutan yang perlu. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan suatu tuntutan untuk kos tersebut menjadi tidak sah.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

Manfaat 2 - Penghantaran Balik Jenazah (termasuk Pengebumian dan Pembakaran Mayat)

Pembayaran balik sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk menghantar jenazah **anda** balik ke Malaysia. Sekiranya diguna pakai, **kami** akan membayar balik bayaran yang munasabah untuk pengebumian dan pembakaran mayat di tempat berlakunya kematian termasuk kos penghantaran abu mayat yang munasabah ke Malaysia.

Untuk **perjalanan domestik**, **kami** akan membayar balik bayaran yang munasabah sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk pemindahan jenazah atau abu mayat **anda** ke **rumah anda**. Kos pengebumian dan pembakaran mayat adalah tidak dilindungi bagi **perjalanan domestik**. **Kami** tidak akan membayar kos pengangkutan jenazah atau abu mayat **anda** dari Malaysia ke luar negara.

Manfaat 3 - Pendapatan Hospital

Kami akan membayar had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** bagi setiap hari penuh **anda** dimasukkan ke **hospital luar negara** sebagai seorang pesakit dalam semasa tempoh **perjalanan** sebagai tambahan kepada yuran atau caj atau perbelanjaan yang dibayar di bawah Manfaat 1 di atas sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

Manfaat 4 - Penjagaan Ehsan (manfaat di bawah Seksyen ini tidak berkaitan dengan individu bukan pemastautin)

Pembayaran balik sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk perbelanjaan penginapan, komunikasi, tiket penerbangan kelas ekonomi bagi **perjalanan** pergi balik dan **perjalanan** tambahan yang munasabah di tempat berlakunya kejadian dan makan yang ditanggung oleh seorang saudara diperlukan untuk **perjalanan**:

- akibat daripada kemasukkan **hospital** atas nasihat perubatan atau daripada **pakar perubatan** yang merawat; atau
- akibat daripada kematian **anda** disebabkan oleh **kecederaan** atau **penyakit** semasa dalam **perjalanan** dengan syarat tiada **ahli keluarga** dewasa yang hadir semasa waktu **anda** dihospitalkan atau pada waktu kematian.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

Manfaat 5 - Penjagaan Anak (manfaat di bawah Seksyen ini tidak berkaitan dengan **individu bukan pemastautin**)

Pembayaran balik sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk perbelanjaan penginapan, komunikasi, tiket penerbangan kelas ekonomi bagi perjalanan pergi balik dan perjalanan tambahan yang munasabah di tempat berlakunya kejadian dan makan yang ditanggung oleh seorang saudara untuk menjaga dan/atau menemani anak-anak **anda** yang ditinggalkan tanpa jagaan akibat memasukkan **anda** ke hospital di **luar negara** pulang ke Malaysia.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar bagi:

Di bawah Manfaat 1

- a) yuran atau caj-caj untuk membaiki atau membuat dentur atau gigi palsu.
- b) apa-apa kerja pergigian melibatkan penggunaan logam yang berharga.
- c) rawatan/pembaikan gigi yang haus dan lusuh biasa atau penjagaan kesihatan gigi yang biasa.
- d) Pergigian atau perbelanjaan ortodontik yang ditanggung berkaitan dengan tetapi tidak terhad kepada penggantian, pembaikan kepada atau untuk penyediaan korona, jambatan, implan dan peralatan ortodontik.
- e) apa-apa caj untuk rawatan tradisional, kecuali yang dinyatakan dalam Manfaat 1.1(c).
- f) rawatan oftalmologi, cermin mata, kanta lekap dan alat bantuan pendengaran atau preskripsi untuknya.

Di bawah Manfaat 2

- a) yuran atau caj atau perbelanjaan untuk pengebumian atau pembakaran **anda** di dalam Malaysia.

Di bawah Manfaat 3

- b) yuran atau caj atau perbelanjaan untuk pengangkutan mayat **anda** di dalam Malaysia, kecuali dari Malaysia Timur ke Malaysia Barat atau sebaliknya.

Di bawah Manfaat 1 hingga 5

- a) yuran atau caj atau perbelanjaan berpunca daripada kerja manual yang berkaitan dengan apa-apa perniagaan, pekerjaan dan profesion.

Di bawah Manfaat 4 dan 5

- a) **amaun eksek** yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

SEKSYEN 3 - BAGASI DAN BARANG-BARANG PERIBADI

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** ke atas **bagasi peribadi** dan barang-barang peribadi **anda** disebabkan oleh kecurian atau kerosakan kepada atau kerugian **bagasi peribadi anda** dan barang-barang peribadi semasa **perjalanan anda di luar negara** ditolak potongan untuk haus, lusuh atau susut nilai atau mana-mana bayaran pampasan berbayar sama ada oleh **pengangkut** atau lain-lain. Bagasi dan barang-barang peribadi mesti dimiliki oleh **anda** dan di dalam kepunyaan **anda** dan/atau mengiringi **anda** dan termasuk beg pakaian, peti pakaian, bagasi tangan dan bekas-bekas sepertinya serta kandungannya.

Semua **barangan berharga** adalah hanya dilindungi terhadap kecurian dan hanya jika dibawa oleh **anda** atau semasa disimpan dengan dan di bawah penjagaan hotel.

Berkenaan dengan **perjalanan domestik**, bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan kami** akan membayar sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. mana-mana kejadian yang mengakibatkan:
 - a) **amaun eksek** yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** kecuali bagi **perjalanan domestik**.
 - b) lebih daripada had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** berkenaan setiap benda, barang, pasang atau set barang selain daripada komputer riba.
 - c) lebih daripada had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** ke atas komputer riba yang ditakrifkan sebagai **barangan berharga**.
 - d) lebih daripada RM2,000 keseluruhannya ke atas **barangan berharga**.
 - e) lebih daripada bahagian ikut kadar daripada nilai sesuatu barang dalam satu pasang atau satu set.
2. kerugian atau kerosakan kepada:
 - a) binatang.
 - b) bon, setem, dokumen pengenalan diri, kad kredit dan bayaran, dokumen perjalanan, wang tunai, saham, instrumen boleh niaga dan sekuriti atau apa jua jenis dokumen.

- c) kanta lekak atau kanta kornea, cermin mata, alat bantuan pendengaran, anggota palsu, gigi palsu atau penyambungan gigi atau dentur.
 - d) apa jua jenis kosmetik.
 - e) apa jua jenis aksesori termasuk aksesori fesyen.
 - f) filem, pita, kaset, katrij atau cakera, kad memori dan seumpamanya.
 - g) herba tradisional, barang atau botol mudah rosak atau mana-mana kerosakan berikut menyebabkannya terjadi demikian.
 - h) basikal, kerusi roda, kereta tolak untuk bayi, kereta sorong atau kereta kecil bayi selain daripadanya semasa mereka dibawa oleh **perkhidmatan pengangkutan awam dan pengangkut**.
 - i) harta benda khususnya dilindungi di tempat lain.
 - j) **wang persendirian**.
 - k) barang yang mudah pecah, alat-alat muzik, arca dan barangan isi rumah.
 - l) telefon bimbit, alat kelui, peralatan komputer mudah alih (selain daripada komputer riba), alat bantuan digital peribadi, komputer tablet dan sebagainya, termasuk peralatan dan aksesori-aksesorinya.
 - m) peralatan sukan.
3. kerugian atau kerosakan akibat keadaan atmosfera atau iklim, haus dan lusuh atau susut nilai, gegat atau binatang perosak, kemerosotan beransur-ansur, kerosakan atau gangguan mekanikal atau elektrik, keburukan sedia ada.
 4. kehilangan atau kerosakan **bagasi persendirian** semasa **anda** tidak berada di tempat penginapan **perjalanan anda** melainkan **anda** sentiasa menjaganya.
 5. kehilangan atau kerosakan akibat kecurian dari kenderaan yang tidak dijaga melainkan ia tidak kelihatan langsung di dalam but kenderaan yang dikunci sepenuhnya dan tingkapnya tertutup dan terdapat bukti pecah masuk yang jelas.
 6. kehilangan atau kerosakan disebabkan kecuaiian di pihak **anda**.
 7. kehilangan misteri.
 8. kehilangan atau kerosakan harta yang dibayar balik oleh **pengangkut** atau lain-lain.
 9. kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh 24 jam dari masa apabila kehilangan itu disedari.

Pengecualian 1a) ke d) tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 4 - KELEWATAN BAGASI

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk setiap enam (6) jam berturut-turut tertakluk kepada had maksimum jika bagasi **anda** yang telah didaftar masuk lewat daripada masa ketibaan didestinasikan luar negara. Sekiranya bagasi **anda** yang telah didaftar masuk terlewat apabila kembali ke Malaysia, bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan** kami akan membayar had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** selepas enam (6) jam berturut-turut.

Berkenaan dengan **perjalanan domestik**, bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan kami** akan membayar had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk setiap enam (6) jam berturut-turut tertakluk kepada had maksimum jika bagasi **anda** yang telah didaftar masuk terlewat dari masa ketibaan di destinasi yang dirancang di Malaysia. Ia tidak melindungi kelewatan bagasi **anda** apabila **anda** tiba rumah.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar balik jika:

1. tuntutan tidak disyitiharkan kepada **pengangkut** jika bagasi **anda** lewat atau hilang.
2. bagasi anda ditangguhkan, dipegang atau dirampas melalui undang-undang oleh Kasstam, polis atau pegawai-pegawai lain.

SEKSYEN 5 - WANG PERSENDIRIAN DAN PENGGUNAAN KAD TANPA IZIN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** ke atas

1. kehilangan yang disebabkan oleh rompakan atau kecurian kepada **wang persendirian anda** di sepanjang **perjalanan anda** di **luar negara** dengan syarat kehilangan tersebut telah dilaporkan kepada polis dalam masa 24 jam dari masa kejadian.
2. penggunaan kad kredit atau kad debit secara menipu selepas rompakan atau kecurian sewaktu di sepanjang **perjalanan anda** di **luar negara** dengan syarat kehilangan tersebut telah dilaporkan kepada pengeluar kad dalam masa 24 jam selepas kejadian.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. kehilangan oleh:
 - a) atau kecurian ke atas **wang persendirian**, kad kredit atau kad debit yang ditinggalkan tanpa jagaan di tempat awam atau akibat kegagalan **anda** untuk mengambil langkah berhati-hati dan berjaga-jaga bagi melindungi dan menjaga keselamatan wang tersebut.
 - b) **wang persendirian**, kad kredit atau kad debit dari kenderaan yang ditinggalkan tanpa jagaan melainkan dikunci dan disimpan di dalam butnya yang dikunci atau di dalam petak simpanan yang dikunci di dalam kenderaan tersebut dan tidak kelihatan dan terdapat bukti pecah masuk yang jelas.
 - c) **wang persendirian**, kad kredit atau kad debit di dalam beg pakaian dalam transit penerbangan atau di dalam kapal udara atau kapal laut atau kereta api dan di luar kawalan **anda**.
 - d) **wang persendirian**, kad kredit atau kad debit di dalam sut atau jaket **anda** yang ditinggalkan tanpa jagaan di tempat awam atau semasa dalam transit penerbangan atau di dalam kapal udara atau kapal laut atau kereta api dan di luar kawalan **anda**.
 - e) cek kembara di mana jurubank menyediakan khidmat penggantian.
 - f) atau kerosakan semasa di bawah jagaan sesebuah syarikat penerbangan atau **pengangkut** lain, melainkan dilaporkan serta-merta apabila kehilangan tersebut disedari dan dalam hal syarikat penerbangan, laporan salah aturan harta diperoleh.
 - g) setem pos atau apa-apa jenis kad kredit.
 - h) atau kerosakan yang disebabkan oleh penahanan atau penyitaan oleh mana-mana pegawai kerajaan atau pihak berkuasa.
 - i) wang tunai yang boleh dituntut kembali daripada penyedia kad kredit atau kad debit **anda** atau yang **anda** terima atau dijangka diterima sebagai pampasan atau pembayaran balik.
2. Kekurangan disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pertukaran atau susut nilai.
3. Kehilangan misteri.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 6 - DOKUMEN PERJALANAN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk penginapan tambahan, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan komunikasi yang munasabah yang ditanggung untuk mendapatkan gantian ke atas kehilangan yang disebabkan oleh **rompak** atau kecurian kepada pasport atau visa anda dan/atau dokumen perjalanan di **luar negara anda sendiri** semasa dalam **perjalanan anda** dengan syarat bahawa anda sentiasa akan melakukan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kecurian, kehilangan atau kerosakan dan ia mesti dilaporkan kepada polis dalam masa 24 jam dari masa kejadian.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. **amaun ekses** yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.
2. kerugian oleh:
 - a) atau kecurian pasport dan dokumen perjalanan yang ditinggalkan tanpa jagaan di tempat awam atau akibat kegagalan anda untuk mengambil langkah berhati-hati dan berjaga-jaga bagi melindungi dan menjaga keselamatan dokumen perjalanan.
 - b) pasport dan dokumen perjalanan di dalam beg pakaian semasa transit yang di luar kawalan anda.
 - c) pasport dan dokumen perjalanan di dalam sut atau jaket anda, yang ditinggalkan tanpa jagaan di tempat awam atau semasa transit yang di luar kawalan anda.
 - d) atau kerosakan semasa di bawah jagaan syarikat penerbangan atau pengangkut lain, melainkan dilaporkan serta-merta apabila kehilangan tersebut disedari dan dalam hal syarikat penerbangan, laporan salah aturan harta diperoleh.
 - e) apa-apa perbelanjaan tambahan ditanggung untuk mendapatkan penggantian pasport dan dokumen perjalanan anda yang hilang itu di negara anda sendiri.
3. kehilangan misteri.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 7 - PEMBATALAN PERJALANAN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk kehilangan penginapan peribadi atau caj pengangkutan dan perbelanjaan **perjalanan** tambahan berbayar atau dikontrakkan untuk dibayar oleh atau kepada

anda dan kehilangan caj lawatan singkat yang telah ditempah dan dibayar terlebih dahulu di Malaysia oleh atau untuk **anda** yang tidak dapat diperoleh semula dari mana-mana sumber lain jika **perjalanan anda** itu terpaksa dibatalkan pada masa perlepasan.

Dengan syarat di mana **anda** telah membeli insurans ini tidak melebihi daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh permulaan **perjalanan anda**. Manfaat-manfaat di atas akan dibayar sekiranya berlakunya perkara-perkara yang berikut:

- a) kematian **anda** atau kematian mana-mana **ahli keluarga anda** atau kematian teman seperjalanan **anda** yang telah mendaftar untuk bersama **anda** dalam **perjalanan**.
- b) **penyakit** atau **kecederaan** anggota badan yang menyebabkan **anda** atau mana-mana **ahli keluarga anda** atau teman seperjalanan yang telah mendaftar untuk bersama **anda** dalam **perjalanan** dimasukkan ke hospital.
- c) **penyakit** atau **kecederaan** anggota badan yang memerlukan pengurangan yang dimestikan dan disahkan tidak sesuai untuk meneruskan **perjalanan** oleh **pengamal perubatan** untuk **anda** atau mana-mana **ahli keluarga anda** atau teman **perjalanan** yang telah didaftarkan untuk bersama **anda** semasa dalam **perjalanan**.
- d) **rumah anda** tidak boleh didiami akibat kebakaran atau bencana alam yang berlaku dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum tarikh permulaan **perjalanan anda**.
- e) meletuskan mogok, kekacauan, rusuhan atau kekecohan awam yang berlaku dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum permulaan **perjalanan anda** ke destinasi **perjalanan anda** yang:
 - i) menyebabkan keganasan yang menyeluruh
 - ii) bukan atas sebab menegaskan hak kedaulatan dan/atau pengendalian atas nama negara yang berdaulat;
 - iii) akan meletakkan nyawa **Orang yang Diinsuranskan** dalam bahaya;
 - iv) berikutan amaran yang diberi oleh media massa kerajaan Malaysia atau kerajaan negara-negara yang diisytiharkan tidak selamat untuk dilawati
- f) bencana alam termasuk tetapi tidak terhad kepada banjir, gempa bumi, tsunami atau taufan di destinasi yang telah dirancang.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar untuk yang berikut:

1. **amaun ekses** yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**
2. apa-apa kejadian yang disebabkan oleh:
 - a) kegagalan **anda** untuk mendapatkan pasport atau visa yang dikehendaki.
 - b) apa-apa keperluan, peraturan atau akta kerajaan.
 - c) kelewatan yang disebabkan **pengangkut** atau penjadualan semula di Malaysia atau kelewatan berlepas di mana-mana tempat di dalam atau di **luar negara** semasa **perjalanan** sekiranya **anda** memilih untuk menghentikan perjalanan itu.
 - d) tindakan, penangguhan atau pindaan jadual yang telah ditempah atau kegagalan menyediakan mana-mana bahagian daripada perjalanan yang telah ditempah termasuklah kesilapan, peninggalan atau kemungkiran oleh penyedia pengangkutan atau penginapan atau ejen mereka atau mana-mana orang yang bertindak sebagai ejen **anda** bagi apa-apa perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada percutian atau penginapan yang telah ditempah serta ejen atau ejen pelancongan yang melaluinya percutian atau penginapan itu ditempah.
 - e) **anda** mengaturkan **perjalanan anda** melalui ejen pelancongan yang tidak berlesen.
 - f) keadaan kewangan **anda**.
 - g) **anda** rasa keberatan untuk membuat **perjalanan** atau **anda** tidak lagi rasa berseronok untuk membuat **perjalanan** itu.
 - h) keadaan cuaca selain keadaan cuaca teruk di Malaysia, yang menghalang **anda** daripada sampai ke lapangan terbang atau pelabuhan tepat pada masanya untuk menaiki kapal terbang atau kapal **anda**.
3. Sebarang keadaan yang berlaku yang mengakibatkan **anda** tidak dapat atau tidak berupaya untuk membuat perjalanan tersebut dan **anda** telah maklum tentang keadaan itu pada masa **anda** mengambil **polisi anda** atau semasa menempah **perjalanan** itu (yang mana terkemudian).
4. Sebarang kerugian jika insurans ini tidak dibeli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh permulaan kuat kuasa **perjalanan anda**.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 8 - PEMENDEKAN PERJALANAN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk membayar balik bahagian perjalanan **anda** yang tidak digunakan dan tidak boleh dibayar balik mengikut kadar hari-hari yang tidak digunakan yang telah dibayar atau dikontrakkan untuk dibayar oleh **anda** atau untuk **anda** di Malaysia sekiranya **perjalanan** itu perlu atau terpaksa **anda** batalkan yang timbul daripada sebab-sebab yang di luar kawalan **anda** yang berlaku semasa dalam **perjalanan anda**. Pembayaran balik untuk penginapan akan berdasarkan setiap hari **perjalanan anda** yang **anda** telah rugi.

Sebahagian daripada perbelanjaan **perjalanan** akan dibayar balik hanya jika **anda** tidak boleh menggunakan tiket pergi balik **anda** dan **anda** tidak menuntut perbelanjaan **perjalanan** pergi balik di bawah mana-mana Seksyen lain dalam Polisi ini.

Manfaat di atas akan dibayar sekiranya berlaku peristiwa berikut:

- a) kematian **anda** atau memasukkan **anda** ke **hospital** akibat **kecederaan** anggota badan atau **penyakit**.
- b) Kematian atau **penyakit** serius atau **kecederaan** anggota badan yang tidak diduga ke atas mana-mana **ahli keluarga anda** di Malaysia yang memerlukan untuk dimasukkan ke **hospital** selama lebih daripada 48 jam.
- c) kematian atau **penyakit** atau **kecederaan** anggota badan kepada teman **perjalanan anda** yang telah didaftarkan untuk bersama **anda** dalam **perjalanan** dan yang perlu dimasukkan ke **hospital** sepanjang tempoh **perjalanan**.
- d) meletuskan mogok, kekacauan, rusuhan atau kekecohan awam yang berlaku di destinasi **perjalanan anda**:
 - i) menyebabkan keganasan yang menyeluruh
 - ii) bukan atas sebab menegaskan hak kedaulatan dan/atau pengendalian atas nama negara yang berdaulat;
 - iii) akan meletakkan nyawa **Orang yang Diinsuranskan** dalam bahaya;
 - iv) berikutan amaran yang diberi oleh media massa kerajaan Malaysia atau kerajaan negara-negara yang diisytiharkan tidak selamat untuk dilawati
- e) bencana alam termasuk tetapi tidak terhad kepada banjir, gempa bumi, tsunami atau taufan di destinasi yang telah dirancang

Sekiranya berlaku **pemendekan perjalanan**, pampasan bagi caj-caj atau perbelanjaan prabayar yang tidak dapat diperoleh semula akan dikira berdasarkan setiap hari genap dari hari ketibaan pulang ke Malaysia hingga kepulangan yang dijadualkan seperti yang tertera pada invoice tempahan.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. **amaun ekses** yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**
2. apa-apa kejadian yang disebabkan oleh:
 - a) kegagalan **anda** untuk mendapatkan pasport atau visa yang dikehendaki.
 - b) apa-apa keperluan, peraturan atau akta kerajaan.
 - c) kelewatan yang disebabkan oleh **pengangkut** atau penjadualan semula di Malaysia atau kelewatan berlepas di mana-mana tempat di dalam penginapan atau ejen mereka atau mana-mana orang yang bertindak sebagai ejen **anda** bagi apa-apa perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada percutian atau penginapan yang telah ditempah serta ejen atau ejen pelancongan yang melaluinya percutian atau penginapan itu ditempah.
 - e) **anda** mengaturkan **perjalanan anda** melalui ejen pelancongan yang tidak berlesen.
 - f) keadaan kewangan **anda**.
 - g) **anda** rasa keberatan untuk membuat **perjalanan** atau **anda** tidak lagi rasa berseronok untuk membuat **perjalanan** itu.

Polisi ini hanya akan membayar mana-mana tuntutan sama ada di bawah Seksyen 7 atau Seksyen 8 tetapi bukan untuk kedua-duanya.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 9 - KELEWATAN PERJALANAN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk setiap enam (6) jam berturut-turut tertakluk kepada had maksimum jika pesawat udara, kereta api atau kapal laut berjadual yang **anda** tempah itu telah lewat berlepas sekurang-kurangnya 6 jam di mana-mana tempat atau persinggahan (termasuk transit) dari waktu yang dinyatakan dalam jadual **perjalanan pengangkut** atau ejen pelancongan semasa **perjalanan anda**.

Perlindungan di bawah Seksyen ini hanya terpakai kepada **pengangkut berjadual**, yang telah **anda** sahkan dan dengan syarat **anda** telah mendaftar masuk selewat-lewatnya pada waktu daftar masuk dan menerima pas masuk **anda** termasuk menerusi kaedah layan diri menurut jadual perjalanan asal sebagaimana yang dimaklumkan oleh syarikat **pengangkut anda**.

Jumlah jam yang lewat mesti dikenal pasti dan disahkan secara bertulis oleh operator **pengangkut**.

Terlepas Acara Disebabkan Kelewatan Perjalanan

Kami akan membayar sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk tiket daya tarikan prabayar yang dibeli sebelum **perjalanan anda** yang tidak boleh **anda** hadiri atau menuntut kembali jika perjalanan **anda** tertangguh disebabkan kelewatan perjalanan dengan syarat **anda** tetap meneruskan perjalanan.

Tiket Daya Tarikan merujuk kepada tiket masuk ke taman tema, persembahan muzikal, pementasan, persembahan teater atau drama, konsert, riadah, acara sukan dan persidangan.

Berkenaan dengan **perjalanan domestik**, bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan kami** akan membayar sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk setiap enam (6) jam berturut-turut tertakluk kepada had maksimum. Terlepas Acara disebabkan Kelewatan Perjalanan tidak diguna pakai untuk **perjalanan domestik**.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. apa-apa kejadian yang disebabkan oleh:
 - a) kegagalan **anda** mendaftar masuk untuk **perjalanan anda** pada atau sebelum waktu yang disyorkan menurut jadual perjalanan asal yang telah diberikan kepada **anda**.
 - b) **anda** lewat tiba di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan selepas mendaftar masuk atau tempahan yang tepat pada masanya (kecuali lewat tiba akibat mogok atau tindakan perusahaan).
 - c) pampasan melainkan **anda** telah mendapat pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan, kereta api atau syarikat pelayaran atau ejen kendalian mereka yang menunjukkan waktu berlepas asal bagi penerbangan, **perjalanan** atau pelayaran.
 - d) kelewatan perjalanan akibat mogok atau tindakan perusahaan yang bermula atau diumumkan sebelum membeli insurans.
 - e) kegagalan **perkhidmatan pengangkutan awam** akibat mogok atau tindakan perusahaan yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas dari **rumah anda**.
 - f) Penjadualan semula penerbangan oleh **pengangkut** sebelum permulaan **perjalanan**.
 - g) Kelewatan **pengangkut** carter

SEKSYEN 10 - KEGAGALAN MENYAMBUNG PERJALANAN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** sekiranya **anda** terlepas pesawat, kereta api atau kapal laut berjadual bersambung sah **anda** yang seterusnya di mana-mana satu tempat pindah akibat kelewatan ketibaan pesawat, kereta api atau kapal laut berjadual bersambung dan tiada pengangkutan alternatif seterusnya disediakan untuk **anda** bagi lebih dari 6 jam dari waktu ketibaan sebenar pesawat, kereta api atau kapal laut berjadual bersambung **anda**.

Sebarang kegagalan menyambung **perjalanan** oleh **pengangkut** carter adalah tidak dilindungi.

Berkenaan dengan **perjalanan domestik**, bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan kami** akan membayar sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. apa-apa kejadian yang disebabkan oleh:
 - a) **anda** terlepas penerbangan bersambung disebabkan oleh kegagalan **anda** mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan menurut jadual **perjalanan** diberikan kepada **anda**.
 - b) **anda** terlepas penerbangan bersambung disebabkan oleh **anda** tiba lewat di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan selepas mendaftar masuk atau pada waktu menempah masuk (kecuali lewat tiba akibat tindakan perusahaan).
 - c) pampasan melainkan **anda** telah memperolehi pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan, kereta api atau syarikat pelayaran atau ejen-ejen kendalian mereka yang menunjukkan jadual waktu berlepas dan masa berlepas asal penerbangan, **perjalanan** atau pelayaran.
 - d) terlepas penerbangan bersambung yang berpunca dari kelewatan dalam perlepasan disebabkan oleh kegagalan **perkhidmatan pengangkutan awam** kerana mogok atau tindakan perusahaan yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas dari **rumah anda**.

SEKSYEN 11 - PERJALANAN TERLEBIH TEMPAHAN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk setiap enam (6) jam berturut-turut tertakluk kepada had maksimum sekiranya pesawat, kereta api atau kapal laut berjadual bersambung sah **anda** yang seterusnya adalah terlebih tempahan oleh syarikat **pengangkut berjadual** dan tiada pengangkutan alternatif seterusnya untuk **anda** dalam tempoh 6 jam dari waktu perlepasan asal.

Berkenaan dengan **perjalanan domestik**, bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan kami** akan membayar RM250 untuk setiap enam (6) jam berturut-turut sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. apa-apa kejadian yang disebabkan oleh:
 - a) **anda** merancang **perjalanan** melalui ejen pelancongan yang tidak berlesen.

- b) pampasan melainkan **anda** telah memperolehi pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan, kereta api atau syarikat pelayaran atau ejen-ejen kendalian mereka yang menunjukkan tiket adalah terlebih tempahan.

SEKSYEN 12 - KETINGGALAN PERLEPASAN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** bagi perbelanjaan penginapan dan perbelanjaan **perjalanan** tambahan yang perlu dan munasabah ditanggung jika **anda** terlepas **pengangkut berjadual** semasa **anda** pergi ke perlepasan perlabuhan, lapangan terbang, stesen kereta api seperti yang dinyatakan dalam jadual tiket **anda** yang disebabkan oleh kerosakan mekanikal **perkhidmatan pengangkutan awam**. Jika **anda** ialah **individu bukan pemastautin**, manfaat di bawah Seksyen ini hanyalah terpakai apabila **anda** berada di luar Malaysia.

Berkenaan dengan **perjalanan domestik**, bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan kami** akan membayar had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. **amaun eksekusi** yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**, kecuali bagi **perjalanan domestik**.
2. apa-apa kejadian disebabkan oleh:
 - a) kegagalan **anda** selain kerosakan mekanikal **perkhidmatan pengangkutan awam** untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan menurut jadual perjalanan yang telah diberikan kepada **anda**.
 - b) lewat tiba di lapangan terbang, stesen, pelabuhan selepas daftar masuk atau tempahan yang tepat pada masanya (kecuali lewat tiba akibat kerosakan mekanikal oleh **perkhidmatan pengangkutan awam**)
 - c) kegagalan **perkhidmatan pengangkutan awam** akibat mogok atau tindakan perusahaan yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas.

SEKSYEN 13 - PENGALIHAN TUJUAN PERJALANAN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** jika **pengangkut berjadual** yang dilindungi tertangguh selama enam (6) jam berturut-turut dari masa ketibaannya yang asal seperti yang ditetapkan dalam cetakan jadual perjalanannya akibat daripada bertukarnya haluan **pengangkut yang dijadualkan**.

Jumlah jam yang lewat mesti dikenal pasti dan disahkan secara bertulis oleh operator **pengangkut**.

Berkenaan dengan **perjalanan domestik**, bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan kami** akan membayar sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**.

Polisi ini hanya akan membuat satu bayaran untuk tuntutan yang dibuat sama ada di bawah Seksyen 9 atau Seksyen 10 atau Seksyen 11 atau Seksyen 12 atau Seksyen 13.

SEKSYEN 14 - KEHILANGAN DEPOSIT PERJALANAN

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar balik:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk kerugian deposit **perjalanan** yang tidak dapat diperolehi semula atau tambang **perjalanan** yang telah dibayar oleh **anda** terdahulu disebabkan oleh **perjalanan** yang telah dirancang dibatalkan disebabkan **ketidaksolvenan Ejen Pelancongan** di mana **anda** membeli pakej pelancongan daripadanya.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan bayar apa-apa kerugian:

1. disebabkan oleh secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana permintaan, peraturan atau akta kerajaan.
2. yang dilindungi oleh mana-mana skim insurans lain atau program kerajaan yang lain.
3. yang akan dibayar balik oleh hotel, syarikat penerbangan, skim pampasan industri, **Ejen Pelancongan** atau mana-mana perkhidmatan **perjalanan** atau penyedia penginapan lain.
4. **ketidaksolvenan** yang berlaku, atau yang mana suatu petisyen kemufilsan telah difailkan sebelum tarikh efektif perlindungan ini.
5. disebabkan oleh kegagalan mana-mana **Ejen Pelancongan**, orang atau agensi yang menyusun atur **perjalanan** bagi sebab-sebab yang lain daripada **ketidaksolvenan**.
6. lebih daripada had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** berkenaan dengan perlindungan yang berkuat kuasa di bawah **Pelan Keluarga**.
7. jika insurans ini tidak dibeli dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh permulaan **perjalanan anda**.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 15 - KOS TAMBAHAN PEMULANGAN KERETA SEWA DAN EKSES KERETA SEWA

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar balik:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**:

1. kos tambahan **kereta sewa** jika **anda** tidak mampu untuk memulangkan kereta sewa atau van pekhmah daripada agensi sewa berlesen ke pusat sewa terdekat disebabkan oleh **kecederaan** atau **penyakit** serius **anda** yang memerlukan **anda** dimasukkan ke **hospital**.
2. Ekses yang perlu **anda** bayar bagi **kereta sewa anda** yang rosak atau dicuri semasa di bawah kawalan **anda** sewaktu dalam **perjalanan**. Ini dikenakan jika **anda**:
 - a) menyewa **kereta sewa** daripada agensi **kereta sewa** berlesen;
 - b) ialah pemandu yang dinamakan dalam perjanjian **kereta sewa**; mempunyai lesen untuk memandu dan mematuhi semua peraturan perjanjian sewa
 - c) mempunyai insurans kenderaan bermotor komprehensif (perlindungan untuk kecurian dan kerosakan dan liabiliti pihak ketiga) untuk **kereta sewa** bagi tempoh penyewaan.

Perlindungan di bawah Seksyen ini hanya digunakan jika **anda** bertanggungjawab ke atas perbelanjaan di bawah perjanjian kereta sewa.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. **amaun ekses** yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**
2. sebarang kerosakan atau kecurian, yang timbul daripada pengendalian **kereta sewa** yang melanggar terma perjanjian sewa.
3. sebarang kerosakan yang timbul daripada kehausan dan kelusuhan, kemerosotan beransur, kerosakan akibat serangga atau binatang perosak, keburukan sedia ada, kecacatan atau kerosakan tidak ketara
4. sebarang kerosakan semasa mengambil bahagian atau semasa berlatih untuk sebarang bentuk ujian kelajuan atau ujian masa
5. kos pentadbiran, denda akibat hilang penggunaan

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 16 - LIABILITI PERIBADI

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan memberi indemniti:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** termasuklah kos yang dipersetujui di antara **kami** secara bertulis di mana **anda** bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk membayar disebabkan oleh:

- a) **kecederaan**, **penyakit** atau wabak ke atas mana-mana orang.
- b) kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang bukan kepunyaan dan mahupun didakwa atau di bawah kawalan **anda** atau setiap ahli keluarga **anda**.

yang berlaku semasa **Tempoh Insurans**.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. apa-apa liabiliti untuk kerugian atau kerosakan kepada harta benda atau **kecederaan** atau **penyakit** atau wabak:
 - a) yang dialami oleh sesiapa di bawah Kontrak Perkhidmatan dengan **anda** atau **ahli keluarga** dan timbul daripada kerja yang mereka digaji untuk melaksanakannya.
 - b) yang dialami oleh mana-mana **ahli keluarga**.
 - c) yang timbul daripada apa-apa tindakan atau peninggalan sengaja.
 - d) apa-apa tindakan sengaja, berniat jahat atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh **anda** atau **ahli keluarga**.
 - e) yang timbul daripada pekerjaan, profesion atau perniagaan **anda** sendiri ataupun pekerjaan, profesion atau perniagaan mana-mana **ahli keluarga**.
 - f) yang timbul daripada pemilikan, penjagaan atau kawalan **anda** ke atas mana-mana haiwan.
 - g) yang tanggung rugi diberikan di bawah mana-mana insurans yang diambil oleh **anda** dengan perjanjian yang tidak akan terlampir tanpa perjanjian tersebut.
2. pampasan atau kos lain yang timbul daripada **kemalangan** yang melibatkan:
 - a) mana-mana tanah atau bangunan atau penggunaannya oleh atau bagi pihak **anda** selain penginapan **perjalanan** sementara **anda**.
 - b) harta kepunyaan atau dipegang sebagai amanah oleh, atau di bawah jagaan atau kawalan **anda** atau mana-mana **ahli keluarga**.
 - c) kenderaan yang digerakkan secara mekanikal dan apa-apa treler yang disambungkan padanya.
 - d) pesawat udara, perahu berenjin atau kapal layar.
3. penghakiman yang tidak pada mulanya disampaikan oleh atau diperoleh daripada sesuatu mahkamah bidang kuasa kompeten di Malaysia.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 17 - KERUGIAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN HOTEL

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** untuk setiap hari ke atas penginapan hotel prabayar yang tidak digunakan sehingga had maksimum bagi perbelanjaan tambahan yang ditanggung ke atas penginapan alternatif semasa **anda** mengalami kerugian menempah penginapan hotel yang disebabkan oleh kebakaran, banjir, mogok, rusuhan atau tindakan perusahaan semasa **perjalanan anda** di **luar negara**.

Untuk layak mendapat manfaat ini, **anda** mestilah mendaftar masuk berdasarkan kepada jadual asal dan mendapatkan pengesahan bertulis daripada pihak hotel atau ejen kendaliannya yang menyatakan jangka masa dan sebab untuk mendapatkan penginapan alternatif. Sekiranya **anda** dilarang untuk mendaftar masuk ke penginapan hotel yang telah ditempah awal disebabkan oleh sebarang kemungkinan seperti yang disebutkan di atas berlaku, **anda** hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis daripada pihak hotel atau ejen kendaliannya yang menyatakan jangka masa dan sebab untuk mendapatkan penginapan alternatif.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar:

Kebakaran, banjir, mogok, rusuhan atau tindakan perusahaan yang bermula atau telah diumumkan pada atau sebelum tarikh insurans diatur.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 18 - PERLINDUNGAN DI DALAM RUMAH (manfaat di bawah Seksyen ini tidak berkaitan dengan individu bukan pemastautin)

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** jika **anda** mengalami kerugian atau kerosakan kandungan **rumah anda** disebabkan oleh **kecurian** atau **kebakaran** semasa **anda** meninggalkannya untuk **perjalanan anda**.

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar untuk apa-apa kejadian atau keadaan berikut:

1. apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku melalui tindakan atau penglibatan salah laku **anda**.
2. kehilangan (sama ada sementara atau kekal) harta kepunyaan **anda** atau mana-mana bahagiannya yang disebabkan oleh penyitaan, tuntutan, penahanan atau pekerjaan yang sah atau tidak sah pada harta tersebut atau mana-mana premis, kenderaan atau barang yang terkandung yang sama oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan.
3. apa-apa jenis kerugian atau kerosakan tuntutan.
4. kenderaan bermotor, bot, binatang ternakan, basikal dan apa-apa peralatan dan aksesori yang berkaitan dengannya.

Manfaat bagi Seksyen ini tidak boleh dipakai ke atas **anak Orang yang Diinsuranskan**.

Manfaat ini tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

SEKSYEN 19 - PERLINDUNGAN AKTIVITI YANG MENCABAR

Bahawasanya Pengecualian Am 3(k), polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang yang Diinsuranskan** berkenaan Seksyen 1 – Kemalangan Diri dan Seksyen 2 – Perbelanjaan Perubatan dan Lain-lain di mana kematian atau kecederaan yang mungkin dialami akibat daripada terlibat di dalam:

- a) melompat bungee;
- b) terjun udara;
- c) luncur layar;
- d) menaiki helikopter untuk bersiar-siar;
- e) belon udara panas;
- f) ski jet;
- g) Pendakian gunung yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan pendakian lain atau berjalan kaki di gunung di bawah ketinggian tiga ribu (3,000) meter di atas paras laut
- h) berski atau meluncur papan salji ke semuanya di dalam sebuah resort ski yang diluluskan secara sah;
- i) Berkanu atau berakit dengan pengawal yang berkeelayakan dan di bawah Gred 4 (Skala Kesukaran Sungai Antarabangsa);
- j) aktiviti di bawah permukaan air yang melibatkan alat pernafasan tiruan untuk menyelam sehingga kedalaman maksimum tiga puluh (30) meter dengan jurulatih selam yang berkeelayakan dan mempunyai pensijilan menyelam yang diiktiraf.

Dengan syarat bahawa aktiviti-aktiviti di atas telah dilakukan secara amatir dan untuk tujuan riadah dengan pengendali berlesen semasa **perjalanan anda**. Semua terma, syarat dan pengecualian polisi ini terus diguna pakai.

SEKSYEN 20 - PERKHIDMATAN BANTUAN PERJALANAN SELURUH DUNIA

Kami telah mengatur perkhidmatan yang disediakan melalui **MSIG Assist** sebagai bantuan untuk **anda** semasa berlaku kecemasan di **luar negara**. Untuk mengaktifkan perkhidmatan ini, sila hubungi nombor telefon kecemasan 24 jam **MSIG Assist** dengan panggilan caj balikan dan berikan maklumat yang perlu kepada mereka.

Item 1 - Terma dan Syarat

Peruntukan perkhidmatan di bawah Seksyen ini adalah tertakluk kepada jaminan di bawah:

Anda dan/atau mana Orang yang Diinsuranskan

- tidak membuat tempahan atau memulakan apa-apa **perjalanan** yang bertentangan dengan nasihat perubatan atau dengan niat untuk mendapatkan rawatan perubatan ataupun selepas prognosis terminal telah dibuat.
- adalah berumur lebih daripada 30 hari pada tarikh permulaan polisi.
- berada dalam keadaan sihat semasa mendapatkan perlindungan dan tiada keadaan perubatan yang wujud yang mungkin memerlukan pengangkutan kecemasan oleh **MSIG Assist**.

Item 2 - Tempoh Perlindungan dan Batasan

- Tempoh perlindungan
Perkhidmatan yang diuraikan di bawah Seksyen ini diberikan dalam **Tempoh Insurans**.
- Perkhidmatan Skop Geografi
Perkhidmatan yang diuraikan di bawah Seksyen ini oleh **MSIG Assist** adalah memberi perlindungan seluruh dunia. Walau bagaimanapun, **MSIG Assist** tidak dikehendaki menyediakan perkhidmatan tersebut kepada **anda** di kawasan yang berisiko peperangan atau politik atau keadaan-keadaan yang membuatkan penyediaan perkhidmatan tersebut mustahil atau tidak dapat dilaksanakan.

Item 3 - Huraian Perkhidmatan dan Manfaat Bantuan Kecemasan

3.1 Bantuan Perjalanan

Apabila **anda** dan/atau mana-mana **Orang yang Diinsuranskan** meminta perkhidmatan yang berikut:

- Maklumat Keperluan Inokulasi dan Visa
MSIG Assist akan memberi maklumat berkenaan dengan keperluan inokulasi dan visa untuk negara-negara asing kerana keperluan ditetapkan dari semasa ke semasa.
- Maklumat Kadar Tukaran
MSIG Assist akan memberi maklumat mengenai kadar pertukaran matawang yang utama kepada Dolar Amerika Syarikat.
- Maklumat Cuaca
MSIG Assist akan memberi maklumat mengenai cuaca dan suhu bandar asing terbesar.
- Maklumat Hari Perbankan
MSIG Assist akan memberi maklumat mengenai hari perbankan di negara asing.
- Rujukan Kedutaan
MSIG Assist akan memberi maklumat mengenai alamat, nombor telefon dan waktu buka konsulat-konsulat dan kedutaan seluruh dunia bersesuaian yang terdekat.
- Bantuan Kehilangan Bagasi
MSIG Assist akan membantu **anda** ke atas kehilangan bagasi **anda** semasa membuat **perjalanan di luar negara** dengan menghubungkan **anda** kepada pihak berkuasa bersesuaian yang terlibat dan menyediakan arahan untuk mendapatkannya semula.
- Bantuan Kehilangan Dokumen Perjalanan
MSIG Assist akan membantu **anda** ke atas kehilangan dokumen perjalanan semasa membuat **perjalanan di luar negara** dengan merujuk **anda** kepada pihak berkuasa bersesuaian yang terlibat dan menyediakan arahan untuk mendapatkannya semula.
- Rujukan Jurubahasa
MSIG Assist akan membantu **anda** dengan menyediakan nama-nama, nombor telefon dan jika boleh dan diminta, waktu buka jurubahasa di seluruh dunia.
- Rujukan Guaman
MSIG Assist akan membantu **anda** dengan menyediakan nama-nama, nombor telefon dan jika boleh dan diminta, waktu buka pengamal-pengamal dan peguam-peguam undang-undang di seluruh dunia.
- Penghantaran Mesej Kecemasan
Dalam keadaan kecemasan atau apabila **anda** dimasukkan ke hospital, **MSIG Assist** akan berjanji memberitahu keluarga **anda** apabila diminta oleh **anda** untuk berbuat demikian.

- k) Bantuan Perjalanan Kecemasan
MSIG Assist akan membantu **anda** dengan mengatur tiket-tiket ganti dan tiket kecemasan semasa mengembara di **luar negara**.
- l) Bantuan Pengiring Kanak-kanak
Apabila **anak** tanggungan memerlukan pengiring untuk mengembara dengan mereka, **MSIG Assist** akan mengatur seorang pengiring untuk **anak-anak**. **MSIG Assist** tidak akan bertanggungjawab untuk pembayaran pengiring, tiket udara dan caj yang berkaitan yang ditanggung untuk menyediakan perkhidmatan tersebut, yang mana akan menjadi tanggungjawab **anda**.
- m) Bantuan Kecemasan Dahulu Tunai
MSIG Assist akan menyediakan **anda** dengan dahulu tunai kecemasan semasa mengembara ke luar negara tertakluk kepada jaminan bayaran daripada ahli keluarga **anda** terlebih dahulu atau sesiapa yang dilantik oleh **anda** untuk berbuat demikian. **MSIG Assist** tidak akan bertanggungjawab untuk kes bayaran, kos bayaran pihak ketiga dan caj yang berkaitan yang ditanggung untuk menyediakan perkhidmatan tersebut, yang mana akan menjadi tanggungjawab **anda**.

3.2 Bantuan Perubatan

- a) Nasihat Perubatan Melalui Telefon
MSIG Assist akan mengatur untuk menyediakan nasihat perubatan melalui telefon.
- b) Rujukan Penyedia Perkhidmatan Perubatan
Atas permintaan, **MSIG Assist** akan memberi nama-nama, alamat-alamat, nombor telefon dan, jika ada, waktu pejabat **Pakar Perubatan, hospital-hospital, klinik-klinik, Pakar Perubatan-Pakar Perubatan gigi dan klinik-klinik pergisian**. **MSIG Assist** tidak akan bertanggungjawab untuk menentukan kepakaran perubatan yang sesuai untuk mengendali masalah tertentu **anda** ataupun untuk menyediakan diagnosis perubatan atau rawatan. Walaupun **MSIG Assist** akan membuat rujukan tersebut, ia tidak boleh menjamin kualiti Penyedia Perkhidmatan Perubatan atau kemudahan perubatan dan pemilihan akhir Penyedia Perkhidmatan Perubatan atau kemudahan perubatan terletak di tangan **anda**. **MSIG Assist**, bagaimanapun, akan berhati-hati dan teliti dalam memilih Penyedia Perkhidmatan Perubatan.
- c) Mengatur Kemasukan ke **Hospital**
Jika keadaan perubatan **anda** adalah serius yang mana kemasukan **hospital** adalah diperlukan, **MSIG Assist** akan mengatur kemasukan **anda** ke **hospital**.
- d) Jaminan Perbelanjaan Perubatan ditanggung semasa Kemasukan ke **Hospital**
MSIG Assist akan, apabila diberi kuasa oleh **MSIG**, membantu **anda** dengan jaminan bagi pihak **kami** perbelanjaan perubatan **anda** yang tidak sengaja ditanggung semasa **anda** dimasukkan ke **hospital**.
- e) Mengawasi Keadaan Perubatan semasa Kemasukan ke **Hospital**
MSIG Assist akan mengawasi keadaan perubatan **anda** semasa kemasukan **anda** ke **hospital**.
- f) Mengatur Pemindahan Perubatan Kecemasan
MSIG Assist akan mengatur pengangkutan udara atau darat, penjagaan perubatan semasa pengangkutan, komunikasi, dan semua perkhidmatan tambahan dibuat yang disediakan oleh **MSIG Assist** yang mana diperlukan apabila memindahkan **anda** ke **hospital** yang terdekat di mana rawatan perubatan yang sesuai disediakan.
MSIG Assist akan menyediakan komunikasi yang sesuai, kemudahan peralatan dan keupayaan linguistik, peralatan bergerak yang sesuai dan krew pengiring perubatan dari pusat kecemasan.
- g) Mengatur Pengangkutan Jenazah
MSIG Assist akan mengatur pengangkutan jenazah ke Malaysia atau mengaturkan pengkebumian di tempat berlakunya kematian seperti mana yang diminta oleh **ahli keluarga anda**.
- h) Mengatur Lawatan Ehsan (manfaat di bawah Seksyen ini tidak berkaitan dengan **individu bukan pemastautin**)
MSIG Assist akan mengatur **ahli keluarga anda** untuk berada di sisi **anda** atas nasihat **Pakar Perubatan** yang merawat apabila **anda** dimasukkan ke **hospital** di **luar negara**.
- i) Pengaturan Kepulangan Anak (manfaat di bawah Seksyen ini tidak berkaitan dengan **individu bukan pemastautin**)
MSIG Assist akan mengurus kepulangan anak tanggungan ke **rumah** jika mereka ditinggalkan tanpa jagaan akibat **kemalangan, penyakit** atau Pemindahan Perubatan Kecemasan **anda**, termasuk apa-apa kos tambahan untuk pengangkutan pergi balik dari lapangan terbang. Jika perlu, **MSIG Assist** juga akan mengatur pengiring yang layak untuk mengiringi anak tanggungan tersebut dalam **perjalanan** pulang.
- j) Mengatur Penginapan Hotel
MSIG Assist akan mengatur penginapan hotel untuk teman seperjalanan **anda** semasa **anda** dimasukkan ke **hospital**. Apabila **anda** memerlukan penginapan hotel untuk pemulihan, **MSIG Assist** akan menyediakannya bagi pihak **anda**.

3.3 Nombor Telefon Kecemasan MSIG Assist 24 jam adalah 603-79653930

Perkhidmatan yang disebut di bawah item 3 - '**Huraian Perkhidmatan dan Manfaat Bantuan Kecemasan**' adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) perkhidmatan di atas adalah semata-mata untuk rujukan atau pengaturan sahaja.

- b) **MSIG Assist** tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa perbelanjaan pihak ketiga.
- c) Sekiranya **anda** menanggung perbelanjaan pihak ketiga, penyediaan jaminan kewangan oleh **MSIG Assist** adalah tertakluk kepada **MSIG Assist** mendapat bayaran daripada **anda** melalui kad kredit **anda** atau daripada dana yang disediakan oleh keluarga **anda**.

Item 4 - Had-had

MSIG Assist dan **MSIG** tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas kegagalan untuk menyediakan perkhidmatan atau kelewatan yang disebabkan mogok atau keadaan yang di luar kawalan mereka, termasuklah tetapi tidak terhad kepada, keadaan penerbangan atau di mana undang-undang atau agensi kawal selia tempatan melarang **MSIG Assist** daripada memberikan perkhidmatan tersebut.

Item 5 - Subrogasi dan Subsidiari

- a) Adalah diambil perhatian dan dipersetujui bahawa tujuan utama Seksyen ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan kepada **anda** apabila terlibat dalam satu perubatan kecemasan. Jika perkhidmatan dan manfaat yang disediakan oleh **MSIG Assist** dilindungi keseluruhannya atau sebahagiannya oleh mana-mana polisi insurans atau pelan kesihatan lain, **MSIG** hanya akan bertanggungjawab ke atas bahagian kadaran daripada kos perkhidmatan dan manfaat tersebut.
- b) Mana-mana bahagian daripada tiket perjalanan **anda** yang tidak digunakan selepas penyediaan perkhidmatan, adalah diserahkan kepada **MSIG Assist**.
- c) **MSIG** boleh pada bila-bila masa, dan atas perbelanjaannya sendiri dan tanpa menjejaskan Seksyen ini mengambil tindakan prosiding atas nama **anda** untuk mendapatkan pampasan atau mendapatkan ganti rugi daripada mana-mana pihak ketiga berhubung dengan sebarang kerugian atau **kecederaan** yang menimbulkan penyediaan perkhidmatan di bawah Seksyen ini.

Item 6 - Syarat-syarat

- a) **Anda** mesti mengambil langkah berhati-hati yang sewajarnya untuk mencegah **kemalangan, kecederaan** atau **penyakit**.
- b) Penipuan, salah nyata, penyembunyian dalam kenyataan dibuat untuk dan bagi pihak **anda** sebelum atau apabila membabitkan Seksyen di bawah polisi ini atau apa-apa tuntutan palsu di bawah Seksyen ini akan menjadikan Seksyen ini tidak sah dan semua ganti rugi dan manfaat akan ditarik balik.
- c) Notis bertulis tentang apa-apa **kemalangan**, prosiding atau apa-apa kejadian lain yang mungkin menimbulkan tuntutan hendaklah diberi kepada **MSIG** dalam tempoh 30 hari dari berlakunya kejadian atau seberapa segera yang mungkin. Semua perakuan, maklumat dan bukti yang dikehendaki oleh **MSIG** hendaklah disediakan atas perbelanjaan **anda** atau wakil sah **anda**.

Item 7 - Pengecualian

Keadaan yang berikut tidak termasuk di bawah Polisi ini dan kos memberikan perkhidmatan bantuan kecemasan tidak akan ditanggung oleh **MSIG**. Walau bagaimanapun, **MSIG Assist** akan mengambil alih untuk membantu **anda** tertakluk kepada peruntukan jaminan kewangan yang sesuai oleh **anda**.

- a) Peruntukan perkhidmatan yang tidak dinyatakan di dalam Seksyen ini, atau **anda** berumur kurang daripada 30 hari pada tarikh permulaan polisi atau sepanjang tempoh yang mana bayaran tidak diterima.
- b) Perkhidmatan yang diberikan tanpa kebenaran dan/atau campur tangan oleh **MSIG Assist**.
- c) Perkhidmatan yang dibuat oleh mana-mana pihak selain **MSIG Assist** yang mana biasanya tiada caj dibuat untuk perkhidmatan itu.
- d) Rawatan perubatan yang diberikan oleh saudara mara sama ada berkecualan atau tidak.
- e) Kos-kos yang sepatutnya perlu dibayar sekiranya keadaan menimbulkan campur tangan **MSIG Assist** tidak berlaku.
- f) Apa-apa perbelanjaan yang dilindungi secara lebih khusus di bawah mana-mana polisi insurans.
- g) Kes-kes **penyakit** atau **kecederaan** kecil yang pada pendapat **Pakar Perubatan MSIG Assist**, boleh dirawat dengan secukupnya di kawasan setempat dan tidak menghalang **anda** daripada meneruskan perjalanan atau kerja **anda**.
- h) Perbelanjaan yang ditanggung yang pada pendapat **Pakar Perubatan MSIG Assist**, **anda** dari segi fizikalnya boleh pulang ke **Malaysia** dengan duduk sebagai penumpang biasa dan tanpa pengiring perubatan.
- i) Keadaan di mana **anda** adalah di bawah rawatan perubatan pada masa bermula **perjalanan anda** dan kos berkaitan adalah relevan untuk rawatan, atau jika **perjalanan** tersebut telah dijalankan bertentangan dengan perintah atau nasihat Pakar Perubatan.
- j) Keadaan di mana suatu **perjalanan** dijalankan dengan tujuan mendapatkan rawatan perubatan secara khusus.
- k) Kes-kes berkenaan gangguan atau **penyakit** psikiatri termasuk apa-apa keadaan kebimbangan dan/atau kesedihan yang **anda** alami dan didiagnosis sebelum tarikh **perjalanan** telah diatur.
- l) **Anda** melaksanakan apa-apa bentuk pekerjaan yang berbahaya berkenaan dengan apa-apa perniagaan, perdagangan atau profesion atau melaksanakan apa-apa bentuk kerja manual melainkan kerja manual tersebut

telah diisytiharkan dan diterima **MSIG**.

- m) **Anda** melibatkan diri di dalam satu bentuk penerbangan udara kecuali sebagai penumpang membayar tambang yang biasa dijadualkan oleh syarikat penerbangan atau pesawat sewa yang berlesen ke atas perjalanan yang tetap.
- n) Menunggang motor (sebagai penunggang atau pembonceng) dan mana-mana **pengembaraan yang berbahaya**.
- o) Perlakuan atau percubaan untuk melakukan apa-apa yang menyalahi akta undang-undang.
- p) Perbelanjaan ditanggung disebabkan oleh **anda** melibatkan diri di dalam perkhidmatan angkatan bersenjata di mana-mana negara, mengambil bahagian di dalam ekspidisi atau melayari sebuah kapal dari satu negara ke negara lain.
- q) Akibat daripada mana-mana rusuhan.
- r) Apa-apa keadaan yang dinyatakan di dalam '**Pengecualian Am**' yang terpakai pada seluruh polisi.
- s) Seksyen 20 – Perkhidmatan Bantuan Perjalanan Seluruh Dunia tidak diguna pakai bagi **perjalanan domestik**.

Item 8 – Penafian

MSIG Assist dan profesional yang kepada mereka waris dirujuk oleh **MSIG Assist** akan bertanggungjawab terhadap tindakan mereka sendiri dan bukannya merupakan kakitangan, ejen-ejen atau pekerja-pekerja **MSIG**. **MSIG** tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan atau kegagalan untuk bertindak bagi pihak **MSIG Assist** dan profesional mereka seperti, tetapi tidak terhad kepada **Pakar Perubatan, hospital-hospital** dan klinik-klinik.

PENGECUALIAN AM (DIGUNAKAN UNTUK SEMUA SEKSYEN)

- 1. **Kami** tidak akan membayar untuk apa-apa kemerosotan, atau kehilangan atau kerosakan kepada harta benda, atau untuk apa-apa ganti rugi atau apa-apa liabiliti undang-undang, atau **kecederaan, penyakit**, kematian atau perbelanjaan yang disebabkan oleh atau menyumbang kepada, atau timbul daripada:
 - a) peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, operasi pertempuran (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, keganasan, kebangkitan, ketenteraan atau perampasan kuasa, undang-undang ketenteraan atau keadaan pengepungan mana-mana keadaan atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pemakaian undang-undang ketenteraan atau keadaan pengepungan, atau
 - b) apa-apa tindakan keganasan termasuk tetapi tidak terhad kepada
 - i) penggunaan ancaman kepada kekuatan, keganasan dan/atau
 - ii) memudaratkan nyawa atau merosakkan harta benda (atau ancaman kepada kemudahan atau kerosakan tersebut) termasuk, tetapi tidak terhad kepada radiasi nuklear dan/atau pencemaran oleh ejen kimia dan/atau biologi, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang yang terlibat dengan politik, keagamaan, ideologi atau tujuan-tujuan yang serupa termasuk dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan.

apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, menghalang, menindas atau dalam apa-apa cara berkaitan dengan (a) atau (b) di atas.
- c) HIV (Virus Kekurangan Imun Manusia) dan/atau mana-mana **penyakit** berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) walau apapun puncanya dan/atau apa-apa derivatif mutan, variasi atau rawatan daripadanya walau apapun puncanya.
- d) penangguhan, perampasan, penahanan, rekuisisi, kerosakan, pemusnahan atau mana-mana peraturan-peraturan yang terlarang daripada Jabatan Kastam atau apa-apa peraturan larangan oleh Kastam atau Pegawai-pegawai Kerajaan Lain atau Pihak Berkuasa mana-mana negara.
- e) sinaran pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear.
- f) bahan radioaktif, toksik, bahan letupan atau bahan berbahaya lain daripada mana-mana pemasangan letupan nuklear atau komponen nuklear.
- g) melombong, pelantar minyak, fotografi udara atau pengendalian bahan letupan.
- 2. **Kami** tidak akan membayar:
 - a) apa-apa jenis kerugian turutan melainkan dinyatakan di dalam Polisi.
 - b) apa-apa kerugian akibat tukaran wang daripada apa-apa dan segala jenis.
 - c) tuntutan-tuntutan yang berkaitan dengan bayi yang berumur 30 hari dan ke bawah.
 - d) apa-apa pembayaran yang **anda** biasanya buat semasa perjalanan **anda**, jika tiada apa-apa yang buruk berlaku.
 - e) tuntutan-tuntutan yang disebabkan oleh mana-mana kejadian atas pengetahuan awam semasa insurans dibeli atau semasa perjalanan didaftar.
 - f) insurans yang dibeli selepas permulaan **perjalanan anda**.

- g) kerugian yang disebabkan oleh penglibatan **anda** dengan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- h) kerugian, **kecederaan**, kerosakkan atau liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak akibat daripada **perjalanan anda** ke atau melalui Afghanistan, Cuba, Republik Demokratik Congo, Sudan, Syria, Iran dan Iraq.
3. Di bawah setiap seksyen 1, 2, 7 dan 8 **kami** tidak akan bayar mana-mana kejadian yang disebabkan oleh:
- a) **anda** mengembara dalam sebuah pesawat udara membawa penumpang yang tidak berlesen penuh.
 - b) ubat-ubatan yang pada waktu berlepas diketahui diperlukan atau perlu diteruskan di **luar negara**.
 - c) rawatan atau perkhidmatan disediakan oleh spa kesihatan, **rumah** penyembuhan atau penjagaan atau mana-mana pusat pemulihan.
 - d) **anda** menerima rawatan pesakit dalaman atau berada di dalam senarai menunggu untuk rawatan pesakit dalaman.
 - e) **anda** telah menerima prognosis terminal.
 - f) **anda** berhasrat untuk membuat perjalanan bertentangan dengan nasihat **pengamal perubatan** atau berhasrat untuk mendapatkan rawatan perubatan semasa **perjalanan**.
 - g) **anda** membunuh diri, **kecederaan** diri atau pendedahan sengaja kepada peril (selain dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia).
 - h) **anda** di bawah pengaruh dadah atau penyalahgunaan bahan lain (selain yang dipreskripsikan oleh **pengamal perubatan** berdaftar tetapi tidak apabila dipreskripsikan untuk rawatan ketagihan dadah).
 - i) menghidu gam.
 - j) **anda** dibawah pengaruh alkohol atau arak yang memabukkan.
 - k) **anda** mengambil bahagian dalam **pengembaraan berbahaya**.
 - l) **anda** kehamilan, melahirkan anak, keguguran atau penguguran atau menopause.
 - m) penyakit yang dipindahkan menerusi hubungan seks.
 - n) **keadaan penyakit sedia ada**.
 - o) pembedahan kosmetik.
 - p) pemeriksaan kesihatan bukan kecemasan.
 - q) kegagalan untuk mendapatkan pemvaksinan yang diperlukan sebelum berlepas.
 - r) **penyakit** atau gangguan yang bersifat psikologi, tidak siaman, apa-apa keadaan keresahan dan/atau kemurungan, **penyakit** mental.
 - s) mengganggu motor (sebagai penunggang atau pembonceng).
 - t) Sebarang keadaan yang berlaku yang mengakibatkan **anda** tidak dapat atau tidak berupaya untuk membuat **perjalanan** tersebut dan **anda** telah maklum tentang keadaan itu pada masa **anda** mengambil polisi **anda** atau semasa menempah **perjalanan** itu (yang mana terkemudian).
 - u) mabuk gunung
4. Di bawah setiap seksyen 2, 3, 6, 7, 8 dan 12 jumlah yang mana **kami** tidak akan bertanggungjawab untuk setiap tuntutan adalah terhad kepada dua kali **amaun ekses** dalam agregat pada mana-mana satu kejadian yang melibatkan dua atau lebih **ahli keluarga** yang diinsuranskan di bawah Polisi ini.
5. Di bawah Seksyen 1, jika terdapat lebih daripada satu **Orang yang Diinsuranskan** dilindungi, liabiliti maksimum agregat **kami** berkenaan semua **Orang yang Diinsuranskan** mengembara di dalam satu kapal terbang atau kenderaan pengangkutan atas permukaan atau kapal udara tidak melebihi had kenderaan dari RM15,000,000.00 atau jumlah agregat pampasan boleh dibayar ke atas **Orang yang Diinsuranskan** seumpamanya mana yang kurang.
6. Fasal Risiko Siber (Boleh digunakan pada Seksyen-seksyen 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13 & 16) (Fasal Penjelasan Bahaya Teknologi Informasi)
Ganti rugi yang dinyatakan di dalam Polisi ini tidak boleh digunakan ke atas liabiliti berhubung mana-mana tuntutan atau kerugian yang berpunca daripada mana-mana aktiviti dan/atau urusan perniagaan mengenai dan/atau melaksanakan urusan melalui internet, intranet, extranet dan/atau melalui laman web **Orang yang Diinsuranskan**, laman Internet, alamat web dan/atau transmisi melalui mel elektronik atau dokumen- dokumen elektronik.
7. Fasal Pengenalpastian Tarikh (Digunakan untuk Seksyen 3 hingga 15)
Tiada insurans di bawah Polisi ini berkenaan apa-apa tuntutan dari apa-apa sifat, yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau mengandungi apa-apa kegagalan atau ketidakupayaan apa-apa:
- a) sikit elektronik, mikrocip, sikit integrasi, mikropemproses (cip komputer), sistem terbenam, perkakasan, perisian komputer, perisian tegur, program, komputer, alat memproses data, kelengkapan telekomunikasi atau sistem-sistem atau mana-mana alat yang serupa.

b) media atau sistem yang digunakan berhubung dengan apa-apa di atas.

sama ada harta benda yang dimiliki **Orang yang Diinsuranskan** atau tidak, pada bila-bila masa untuk mencapai sebarang atau segala tujuan dan kesan yang berikutan turut diakibatkan oleh penggunaan bakat setiap nombor-nombor, simbol-simbol atau kata-kata untuk menunjukkan tarikh termasuk tanpa had, kegagalan atau ketidakupayaan untuk mengenal pasti, merakam, menyimpan, mengekalkan atau menyimpan dan/atau untuk memanipulasi, mentafsir, menghantar, mengembalikan, menghitung atau memproses mana-mana tarikh, maklumat data, pematuhan logik atau arahnya yang disebabkan oleh:

- i) mengenali, mengguna atau mengambil mana-mana tarikh, hari dalam minggu atau tempoh masa, ataupun selainya atau selain daripada atau tarikh yang betul, hari dalam minggu atau tempoh masa.
- ii) operasi setiap arahan atau logik, yang telah diprogramkan atau digabungkan ke dalam sesuatu dirujuk dalam (a) dan (b) di atas.

8. Had Sekatan dan Fasal Pengecualian

Tiada penanggung insurans adalah disifatkan untuk menyediakan perlindungan dan tiada penanggung insurans bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini setakat mana peruntukan seperti perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan daripada manfaat ini yang akan mendedahkan **syarikat** insurans itu untuk apa-apa sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu atau perdagangan atau sekatan ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

ENDORSEMEN-ENDORSEMEN

(dilampirkan dan merupakan sebahagian daripada Polisi ini)

PENYAMBUNGAN TEMPOH INSURANS

Jika kerana kematian, **kecederaan** atau **penyakit anda** atau sesiapa yang mengembara bersama **anda**, atau disebabkan oleh kelewatan atau gangguan **perkhidmatan pengangkutan awam** berada di luar kawalan **anda**, **anda** tidak mampu melengkapkan **perjalanan** sebelum tamat **tempoh insurans** ini, **tempoh insurans** akan secara automatik dilanjutkan tanpa apa-apa premium tambahan bagi penambahan hari yang munasabah dan perlu sehingga:

- a) 14 hari jika mana-mana kenderaan, kereta api, kapal perjalanan di laut atau pesawat di mana **anda** sedang mengembara sebagai penumpang yang memiliki tiket tertangguh.
- b) 30 hari jika cadangan **perjalanan** pergi balik telah dielakkan disebabkan **kecederaan** anggota badan atau **penyakit** kepada **anda** yang berpunca daripada sebab yang dilindungi di bawah polisi ini.

TUNAI SEBELUM LINDUNG

Ini adalah syarat khas kontrak insurans yang asas dan sempurna yang mana premium mesti dibayar dan diterima oleh **kami** sebelum perlindungan bermula.

PERLINDUNGAN KEGANASAN

Bahawasanya Pengecualian Am 1b, Polisi ini diperluas untuk melindungi **Orang yang Diinsuranskan** berkenaan dengan kematian atau **kecederaan** anggota badan yang akan ditanggung melalui tindakan pengganas dengan syarat tiada liabiliti apabila tindakan pengganas tersebut melibatkan penggunaan senjata biologi, agen-agen kimia atau alat-alat nuklear.

PERLINDUNGAN RAMPASAN

Insurans ini adalah diperluas untuk melindungi kematian atau **kecederaan** anggota badan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh rampasan.

POLISI TAHUNAN

Polisi ini adalah layak untuk orang yang berumur di antara 18 hingga 69 tahun semasa permohonan pertama dan boleh diperbaharui sehingga 80 tahun. Berikut adalah dikecualikan daripada **Polisi Tahunan**:

- Syarat-syarat Am 2(e)
- Pengecualian Am 4
- Penyambungan Tempoh yang Diinsuranskan

Polisi Tahunan tidak memberikan

- kepada individu bukan pemastautin
- untuk perlindungan sehala

Perlindungan Data Peribadi

Dengan memberikan Data Peribadi anda, bermakna anda memberi kebenaran kepada kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:-

1. Untuk memproses Data Peribadi anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak Insurans.
2. Anda membenarkan dan mengizinkan kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan kami, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - a) Penyelaras berlesen yang berdaftar,
 - b) Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan Kontrak Insurans,
 - c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad.
3. Untuk maklumat lanjut mengenai komitmen **MSIG** untuk melindungi Data Peribadi, senarai pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan yang **kami** mungkin dedahkan Data Peribadi **anda**, sila rujuk kepada Notis Privasi **MSIG** di www.msig.com.my.

Anda juga boleh meminta akses kepada atau membetulkan Data Peribadi **anda** dengan menghubungi Jabatan Khidmat Pelanggan kami. Maklumat tersebut hanya akan diberi selepas pengesahan. 'Data Peribadi' mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Fasal Cukai

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

APABILA MEMBUAT TUNTUTAN

- Hubungi nombor bantuan yang berkaitan secepat mungkin untuk mendapatkan bantuan dan jika boleh, berikan nombor sijil **anda**.
- Maklumkan **MSIG** secara bertulis dalam tempoh 30 hari sebaik sahaja **anda** telah kembali dari luar negara jika terdapat sebarang-apa kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan.
- Lengkapkan Borang Tuntutan yang berkaitan dengan tuntutan **anda**.
- Hantarkan Borang Tuntutan, Sijil Insurans asal, Tiket Penerbangan / Tiket Elektronik / Pas Syarikat Penerbangan Tiket / Pas Menaiki Kapal terbang, Pengesahan Agen Pelancongan untuk Invois Tempahan dan Jadual Perjalanan dan maklumat lain yang perlu dan sebarang bantuan lain yang mungkin **kami** kehendaki di atas perbelanjaan **anda**.

Jenis Tuntutan	Apa yang perlu saya buat?	Apa yang saya perlukan?
Seksyen 1 Kemalangan Diri	• Hubungi MSIG untuk bantuan. • Lapor kepada pihak berkuasa tempatan jika terdapat kematian. • Dapatkan rawatan daripada hospital jika mengalami kecederaan.	1) Salinan yang diperakui: • Sijil kematian • Laporan bedah siasat • Kad pengenalan si mati • Laporan polis (jika kematian yang disebabkan oleh kemalangan) 2) Surat Pentadbiran jika tiada penamaan 3) Laporan perubatan daripada pakar perubatan 4) Bukti hubungan di antara Orang yang Diinsuranskan dengan anak-anak untuk tuntutan ke atas tabung pendidikan anak
Seksyen 2 Perbelanjaan Perubatan & Lain-lain	• Hubungi MSIG Assist untuk bantuan.	1) Laporan Perubatan daripada pakar perubatan/jenis penyakit atau kecederaan 2) Sijil Perubatan daripada doktor biasa, jika perlu 3) Invois-invois dan resit-resit Perubatan Asal 4) Invois perbelanjaan penginapan, komunikasi dan perbelanjaan perjalanan untuk tuntutan Penjagaan Ehsan dan Penjagaan Anak 5) Surat sokongan daripada doktor bertugas untuk tuntutan Penjagaan Ehsan 6) Invois untuk kos pengebumian, pembakaran mayat atau penghantaran jenazah ke rumah 7) Nama dan alamat doktor biasa di Malaysia, jika perlu
Seksyen 3 Bagasi dan Barang-barang Peribadi	• Laporkan kerugian/kerosakan kepada syarikat penerbangan sebaik sahaja anda menyedari kerosakan atau kehilangan dan dapatkan "Laporan Percanggahan Barangan Peribadi". • Beri notis bertulis mengenai tuntutan itu kepada syarikat penerbangan dalam had masa yang ditentukan. • Laporkan butiran kejadian itu kepada polis atau mana-mana pihak berkuasa dalam masa 24 jam dan dapatkan laporan bertulis kejadian tersebut. • Jangan buang barangan rosak anda.	1) Butiran terperinci mengenai barangan yang dituntut 2) Resit-resit pembelian asal, kad jaminan dan lain-lain, bagi bagasi dan/atau barang-barang peribadi, jika mana-mana 3) Laporan Percanggahan Barangan Peribadi daripada syarikat penerbangan 4) Laporan Polis sekiranya berlaku kecurian 5) Gambar-gambar yang menggambarkan kerosakan kepada bagasi dan lain-lain 6) Bukti pampasan daripada pihak yang bertanggungjawab
Seksyen 4 Kelewatan Bagasi	• Laporan kepada Pengangkut. • Beri notis bertulis mengenai tuntutan itu kepada Pengangkut dalam had masa yang ditentukan.	1) Laporan pengesahan bertulis daripada Pengangkut mengenai jumlah jam kelewatan atau tersalah arah dalam penyampaian
Seksyen 5 Wang Persendirian dan Penggunaan Kad Tanpa Izin	• Ambil segala langkah yang wajar untuk mendapatkan semula wang anda. • Laporkan butir-butir kejadian itu kepada polis dalam masa 24 jam dan dapatkan laporan bertulis kejadian tersebut. • Laporkan kehilangan kad kredit atau debit kepada bank berkenaan dalam masa 24 jam.	1) Laporan polis di tempat kejadian 2) Penyata daripada bank yang menunjukkan rekod penggunaan kad kredit atau debit tanpa izin termasuk tarikh dan masa kehilangan dilaporkan (untuk tuntutan Penggunaan Kad Tanpa Izin)

Jenis Tuntutan	Apa yang perlu saya buat?	Apa yang saya perlukan?
Seksyen 6 Dokumen Perjalanan	Laporkan butir-butir kehilangan/kecurian kepada polis dalam masa 24 jam dan dapatkan laporan bertulis.	- Laporan polis di tempat kejadian - Resit-resit asal untuk perbelanjaan tambahan penginapan, perjalanan dan komunikasi yang ditanggung dalam menggantikan kehilangan dokumen perjalanan - Salinan Sijil Kecemasan
Seksyen 7 Pembatalan Perjalanan	Semak bahawa sebab anda membatalkannya adalah disenaraikan sebagai yang dilindungi di dalam seksyen Pembatalan Perjalanan salinan polisi anda.	- Dokumen untuk menyokong sebab-sebab bagi pembatalan - Resit asal bayaran perlindungan insurans dan sebarang perbelanjaan pelancongan pra-tempahan dan pra-bayar - Invois pembatalan daripada agen pelancongan yang berkenaan dan pembayaran balik diperolehi daripada mereka
Seksyen 8 Pemendekan Perjalanan	Semak bahawa sebab anda membatalkannya adalah disenaraikan sebagai yang dilindungi di dalam seksyen Pemendekan Perjalanan salinan polisi anda. <i>Polisi ini hanya akan membayar untuk tuntutan sama ada di bawah Seksyen 7 atau Seksyen 8 tetapi tidak kedua-duanya</i>	- Dokumen untuk menyokong sebab-sebab bagi pemendekan - Resit asal bayaran perlindungan insurans dan sebarang perbelanjaan pelancongan pra-tempahan dan pra-bayar - Invois pembatalan daripada agen pelancongan yang berkenaan dan pembayaran balik diperolehi daripada mereka
Seksyen 9 Kelewatan Perjalanan (termasuk penjadualan semula penerbangan)	Anda mesti mendaftar masuk pada waktu berlepas yang dinyatakan anda. - Semak bahawa kelewatan anda adalah lebih daripada 6 jam sebelum mengemukakan tuntutan.	- Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan atas jangka masa kelewatan dan alasan kelewatan tersebut - Resit asal untuk bayaran tiket daya tarikan prabayar (untuk tuntutan Terlepas Acara disebabkan Kelewatan Perjalanan)
Seksyen 10 Kegagalan Menyambung Perjalanan	Semak bahawa kelewatan anda adalah lebih daripada 6 jam sebelum mengemukakan tuntutan.	Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan atas jangka masa kelewatan dan alasan kelewatan tersebut
Seksyen 11 Perjalanan Terlebih Tempahan	Semak bahawa kelewatan anda adalah lebih daripada 6 jam sebelum mengemukakan tuntutan.	Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan berkenaan mengesahkan kejadian Terlebih Tempahan
Seksyen 12 Ketinggalan Perlepasan	Semak bahawa sebab kegagalan untuk anda tiba di tempat berlepas dilindungi dalam buku polisi anda.	- Dokumen-dokumen yang menyokong alasan untuk ketinggalan pelepasan anda - Resit asal untuk perbelanjaan tambahan penginapan dan lain-lain perbelanjaan perjalanan yang ditanggung
Seksyen 13 Pengalihan Tujuan Perjalanan	Semak bahawa kelewatan anda adalah lebih daripada 6 jam sebelum mengemukakan tuntutan. <i>Polisi ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan yang dibuat sama ada di bawah Seksyen 9 atau 10 atau 11 atau 12 atau 13 tetapi tidak semua.</i>	Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan yang mengesahkan kejadian itu (masa ketibaan sebenar berbanding masa ketibaan yang dijadualkan)

Jenis Tuntutan	Apa yang perlu saya buat?	Apa yang saya perlukan?
Seksyen 14 Kehilangan Deposit Perjalanan	Berusaha untuk mendapatkan balik bayaran deposit anda.	- Dokumen untuk menyokong alasan bagi tuntutan berkenaan deposit perjalanan - Resit asal untuk bukti bayaran yang dibuat kepada agensi pelancongan
Seksyen 15 Kos Tambahan Pemulangan Kereta Sewa dan Ekses Kereta Sewa	Hubungi pembekal kereta sewa anda.	- Perjanjian penyewaan - Resit bayaran atas kos tambahan kereta sewa atau ekses kereta sewa - Surat pengesahan atau penerimaan yang mengesahkan tarikh sebenar pengembalian kereta sewa - Laporan perubatan dan bil-bil yang menyatakan keadaan perubatan dan tempoh rawatan di hospital - Laporan polis di tempat kejadian (untuk tuntutan Ekses Kereta Sewa)
Seksyen 16 Liabiliti Peribadi	Tidak membuat sebarang pengakuan liabiliti atau membuat tawaran atau janji pembayaran tanpa keizinan kami.	Surat-menyurat daripada Pihak Ketiga yang tidak berjawab
Seksyen 17 Kerugian Penggunaan Kemudahan Hotel	Hubungi penginapan hotel anda.	- Surat pengesahan daripada hotel atau ejen pengendalian yang menyatakan tempoh dan alasan untuk mencari penginapan alternatif - Invois dan resit sebagai bukti bayaran untuk penginapan alternatif yang ditanggung
Seksyen 18 Perlindungan Di Dalam Rumah	Anda hendaklah melaporkan butir-butir kehilangan/kecurian kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam dan dapatkan laporan bertulis.	Laporan Polis berkenaan kejadian
Seksyen 19 Perlindungan Aktiviti Yang Mencabar	Untuk Seksyen 1 – Kemalangan Diri - Hubungi MSIG untuk bantuan. - Lapor kepada pihak berkuasa tempatan jika terdapat kematian. - Dapatkan rawatan daripada hospital jika mengalami kecederaan. Untuk Seksyen 2 – Perbelanjaan Perubatan & Lain-lain - Hubungi MSIG Assist untuk bantuan.	Untuk Seksyen 1 – Kemalangan Diri - Salinan yang diperakui: - Sijil kematian - Laporan bedah siasat - Kad pengenalan si mati - Laporan polis jika kematian yang disebabkan oleh kemalangan) - Surat Pentadbiran jika tiada penamaan - Laporan perubatan daripada pakar perubatan - Bukti hubungan diantara Orang yang Diinsuranskan dengan anak-anak untuk tuntutan ke atas tabung pendidikan anak Untuk Seksyen 2 – Perbelanjaan Perubatan & Lain-lain - Laporan Perubatan daripada pakar perubatan/ jenis penyakit atau kecederaan - Sijil Perubatan daripada doktor biasa, jika perlu - Invois-invois dan resit-resit Perubatan Asal - Invois perbelanjaan penginapan, komunikasi dan perbelanjaan perjalanan untuk tuntutan Penjagaan Ehsan dan Penjagaan Anak - Surat sokongan daripada doktor bertugas untuk tuntutan Penjagaan Ehsan - Invois untuk kos pengebumian, pembakaran mayat atau penghantaran jenazah ke rumah - Nama dan alamat doktor biasa di Malaysia, jika perlu

MSIG TRAVELRIGHT PLUS INSURANCE / INSURANS TRAVELRIGHT PLUS MSIG

**Contact the relevant helpline numbers as soon as you can for assistance quoting your certificate number if possible /
*Hubungi nombor bantuan yang berkaitan secepat mungkin untuk mendapatkan bantuan dan jika boleh, berikan nombor sijil anda***

MSIG ASSIST HELPLINE / TALIAN BANTUAN MSIG ASSIST
Please call this number / *Sila hubungi talian berikut*

603-7965 3930

Open 24 hours a day, 7 days a week /
Dibuka 24 jam sehari, 7 hari seminggu

CLAIMS HELPLINE / TALIAN BANTUAN TUNTUTAN

If you need to make a claim upon your return, please call this number /
Jika anda ingin membuat tuntutan selepas kepulangan anda, sila hubungi talian berikut

603-2053 5898

8:30 am to 5:30 pm (Monday to Friday) /
8:30 pagi hingga 5:30 petang (Isnin hingga Jumaat)

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (46983-W)

Head Office: Customer Service Centre,

Level 15, Menara Hap Seng 2,

Plaza Hap Seng,

No. 1, Jalan P. Ramlee,

50250 Kuala Lumpur

Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086

Customer Service Hotline 1 800 88 MSIG (6744)

Email myMSIG@my.msig-asia.com

Website www.msig.com.my

A member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

KUALA LUMPUR

Customer Service Centre,

Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng,

No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086

ALOR SETAR

1st Floor, No. 169,

Susunan Sultan Abdul Hamid 11,

Kompleks Perniagaan Sultan Abdul

Hamid Fasa 2, 05050 Alor Setar, Kedah

Tel +604 772 2266, Fax +604 772 2255

BATU PAHAT

No. 31A & 32A, Jalan Kundang,

Taman Bukit Pasir, 83000 Batu Pahat, Johor

Tel +607 433 6808, Fax +607 433 7808

IPOH

Lots A-01-10, A-01-12, A-01-14 & A-01-16,

1st Floor, Wisma MFCB,

Greentown Business Centre, No. 1,

Persiaran Greentown 2, 30450 Ipoh, Perak

Tel +605 255 1319, Fax +605 253 7979

JOHOR BAHRU

Suite 12A & 12B, Level 12, Menara Ansar,

No. 65, Jalan Trus, 80000 Johor Bahru, Johor

Tel +607 208 7800, Fax +607 276 3800

KLANG

3rd Floor, No. 1, Lorong Tiara 1B,

Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor

Tel +603 3343 6691, Fax +603 3342 2571

KLUANG

1st Floor, No. 7, Bangunan HLA,

Jalan Yayasan, 86000 Kluang, Johor

Tel +607 772 6501/774 5701

Fax +607 774 5702

KOTA BHARU

3826, 1st Floor, Jalan Hamzah,

15050 Kota Bharu, Kelantan

Tel +609 748 1280, Fax +609 748 3509

KUANTAN

Nos. A-43, A-45 & A-47,

Lorong Tun Ismail 12, Sri Dagangan 2,

25000 Kuantan, Pahang

Tel +609 515 7501, Fax +609 515 7502

MELAKA

1st & 2nd Floor, No.777,

Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka

Tel +606 289 4333, Fax +606 289 4222

PENANG

Level 15, Hunza Tower,

No.163E, Jalan Kelawei, 10250 Penang

Tel +604 219 0800, Fax +604 219 0999

PETALING JAYA

Units 9-3 & 11-3, Block A, Jaya One,

No. 72A, Jalan Universiti,

46200 Petaling Jaya, Selangor

Tel +603 7954 4208, Fax +603 7954 4202/3

SEREMBAN

No. 33, Ground Floor, Lorong Haruan 5/2,

Oakland Commerce Square,

70200 Seremban, Negeri Sembilan

Tel +606 601 3501, Fax +606 601 3503

SUNGAI PETANI

1st Floor, 9C, Jalan Kampung Baru,

08000 Sungai Petani, Kedah

Tel +604 424 4180, Fax +604 423 4513

KOTA KINABALU

Suite 6.02 & 6.03, Level 6, Plaza Shell

No. 29, Jalan Tunku Abdul Rahman,

88000 Kota Kinabalu, Sabah

Tel +6088 301 030, Fax +6088 301 110

KUCHING

22 & 22A, Jalan Rubber,

Lots 344 & 345, Section 9,

93400 Kuching, Sarawak

Tel +6082 255 901/259 204

Fax +6082 427 612

MIRI

Lot 937, 1st Floor, Jalan Asmara,

98000 Miri, Sarawak

Tel +6085 434 890, Fax +6085 419 002

SANDAKAN

1st Floor, Block 18,

Lots 1 & 2, Bandar Indah, Mile 4,

North Road, 90000 Sandakan, Sabah

Tel +6089 217 388, Fax +6089 215 388

SIBU

1st Floor, No. 65, Jalan Kampong Nyabor,

96000 Sibu, Sarawak

Tel +6084 323 890/347 008

Fax +6084 314 558

TAWAU

1st Floor, Block 42, TB 330A,

Fajar Complex, 91000 Tawau, Sabah

Tel +6089 771 051, Fax +6089 764 079



www.facebook.com/MSIGMalaysia

For more information, please call MSIG or contact your Insurance Adviser at: